

BAB LIMA

HURUF-HURUF IMBUHAN (*AL-LAWĀṢīQ* *AL-DILĀLIYYAT*)

5.0 Pendahuluan

Imbuhan (*affixation*) secara am ialah menambahkan huruf, baik pada kata nama maupun kata kerja. Imbuhan huruf itu boleh berada di awal, di tengah dan boleh pula di akhir perkataan. Apabila imbuhan huruf itu berada di awal ia disebut awalan (*prefixe*); apabila ia berada di tengah disebut sisipan atau apitan (*infixe*); dan apabila ia berada di akhir disebut akhiran (*suffixe*). (Lht. ‘Abd Ṣabūr Syāhīn 1986: 265). Dalam bab ini penulis akan menumpukan perbahasan pada imbuhan atau tambahan huruf (*affixation*) jenis akhiran (*suffixe*).

5.1. Imbuhan Dalam B.A

Sebelum penulis menghuraikan mengenai KN berimbuhan dalam BA terlebih dahulu penulis ingin menghuraikan secara sepintas lalu jenis-jenis KN akar. Menurut al-Ghalāyīnīy (1968. Jld. 2:11) KN akar dari segi bilangan hurufnya ada yang terdiri dari tiga huruf asal seperti حَجَر (batu) ada yang empat huruf asal seperti حَمْرَة (nama seorang) ada yang lima huruf asal seperti سَفَرْجَل (nama buah), dan jika kurang daripada tiga huruf, maka

terdapat huruf yang tidak diolahkan seperti perkataan ، أَبْ (ayah)، بَدْ (tangan) فُمْ (mulut), yang berasal daripada perkataan أَبْ ، يَدِيْ ، فَمِيْ . Ibn Mālik mengatakan bahawa KN akar dari jenis KN tiga huruf (*ihlāthiy*) sebanyak dua belas wazan, dan bagi yang empat huruf (*rubā'iy*) terdapat enam wazan, dan dari lima huruf (*khumāsiy*) terdapat empat wazan. (Lht: Jld. 2 t.t: 486-491).

KN yang berimbahan, adalah kata nama yang terdapat fonem-fonem imbuhan yang berjumlah sepuluh. Para ahli morfologi Arab telah menggabungkan fonem-fonem tersebut dalam suatu ungkapan iaitu سَأَلُّهُمْ عَنْهَا (mereka bertanya kepadaku mengenainya). Menurut al-Ghalāyinī (1968 Jld.2: 11) perkataan berimbahan jumlahnya sangat banyak, sehingga tidak dapat dihitung. Namun sebagai contoh-contohnya seperti yang diberikan oleh 'Abbās Ḥasan (Jld.4 t.t: 688) adalah seperti berikut:

1-imbuhan satu huruf, seperti *alif* pada perkataan كِتَاب (buku) ،

berasal dari perkataan كَتَبَ (menulis).

2-imbuhan dua huruf, seperti *alif* dan *mīm* pada perkataan مَكَابِر

(meja-meja / pejabat-pejabat) ، yang berasal daripada perkataan

كَبَرَ (menulis)

3-imbuhan tiga huruf, seperti *mīm sin* dan *tā'* pada perkataan مُسْتَغْفِرٌ

(memohon ampun), yang berasal daripada perkataan غَفَرَ

(mengampuni)

4-imbuhan empat huruf, seperti *hamzah*, *sin*, *ta'* dan *alif*, pada perkataan استغفار (pengampunan). Manakala KN berimbuhan,

bilangan hurufnya tidak melebihi daripada tujuh huruf. Kenyataan ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld.2 tt.: 486) :

وَمُنْتَهَى اسْمِ حَمْسٍ أَنْ تَجْرِدَ إِنْ يُزَدُ فِيهِ فَمَا سَبْعًا عَدَا

Maksudnya: Paling banyak bilangan huruf KN adalah lima, apabila tidak terdapat huruf imbuhan, dan apabila terdapat huruf imbuhan maka bilangan hurufnya tidak melebihi daripada tujuh huruf.

Imbuhan huruf sama ada dari jenis *al-zawāid* ataupun *al-lawāsiq* turut berperanan dalam menentukan makna perkataan. Khusus untuk BA, pernyataan ini selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh ‘Abd al-Shabūr Syāhīn (Ibid: 273):

اللَّوَاصِقُ الدَّلَالِيَّةُ يُقْصَدُ بِهَا مَا يَتَصَلَّبُ بِالْكَلْمَةِ مِنْ أَدَوَاتٍ تُفْيِدُ مَعْنَى زَائِدًا عَلَيْهَا، وَلَا تُعْبِرُ جُزْءًا مِنْ بَيْتِهَا، وَذَلِكَ كَسَابِقَةُ السَّيْنِ الدَّالَّةِ عَلَى الْإِسْتِقْبَالِ فِي الْفَعْلِ الْمُضَارِعِ، وَكَلَاحِقَةُ الْعَدَدِ: مُشَنِّي أَوْ جَمِيعًا، وَكَلَاحِقَةُ التَّوْكِيدِ وَهِيَ الثُّونُ الثَّقِيلَةُ، وَالثُّونُ الْحَفِيفَةُ.

Maksudnya: *Al-lawāsiq al-dilāliyyat* ialah imbuhan-imbuhan huruf pada suatu kata yang mengandungi makna tambahan. Huruf-huruf tersebut bukan merupakan sebahagian daripada huruf asal binaan kata itu. Contohnya huruf *sin* yang terdapat

pada awal fi'l muḍāri' yang menunjukkan perbuatan yang akan berlaku, penambahan dua huruf yang menunjukkan makna tathniyyat (dual) dan jamak, penambahan nun tawkiid untuk menunjukkan kesungguhan suatu perbuatan, yang ang ada dua jenis, iaitu nun tawkiid thaqīlat (berat) dan nun tawkiid khafīfat (ringan).

Huraian di atas menunjukkan bahawa penambahan huruf dalam BA, baik satu maupun lebih, baik di awal, ataupun di akhir perkataan, akan menunjukkan makna tertentu. Misalnya: kata مُسْلِمٌ (seorang muslim), perkataan itu dalam BA menunjukkan makna tunggal "seorang lelaki muslim yang mengandungi makna am". Akan tetapi apabila diberi huruf imbuhan maka ia memberi makna yang berbeza seperti berikut:

a- *ta'* marbi'at pada akhir kata, menjadi مُسْلِمَةٌ (seorang wanita muslim)

مُسْلِمٌ + ة = مُسْلِمَةٌ .

b- *Alif* dan *nun* atau *yā'* dan *nun* pada akhir kata. Contoh مُسْلِمَانٌ (dua orang muslim lelaki), iaitu (مُسْلِمٌ + ا + مُسْلِمٌ) atau مُسْلِمَيْن (dua orang

muslim lelaki) (مُسْلِمٌ + ي + مُسْلِمٌ), iaitu huruf yang sebelum huruf *yā'* berharakat *fathat*.

c- *Waw* dan *nūn*, atau *yā'* dan *nūn* pada akhir kata. Contoh مُسْلِمُونَ (orang-orang muslim lelaki), iaitu (مُسْلِمٌ + و + مُسْلِمٌ) atau مُسْلِمَيْن (orang-orang muslim lelaki), iaitu (مُسْلِمٌ + ي + مُسْلِمٌ).

(orang-orang muslim lelaki) مُسْلِمٌ + ي = ن + مُسْلِمٌ (orang-orang islam), huruf yang sebelum huruf *yā'* berharakat *kasrat*

d- *Yā' taṣghīr*, untuk menunjukkan makna kecil. Perkataan مُسْلِمٌ menjadi :

“مسِّلِمٌ” (seorang muslim lelaki kecil).

e- *Ya' naṣab* pada akhir kata, seperti شَافِعٌ menjadi شَافِعٌ (orang yang bermazhab Syāfi'iyy), iaitu (ي + شَافِعٌ = شَافِعٌ).

f- *Al-ta'rīf (al)* yang mengandungi makna khas, terletak di awal kata, seperti perkataan مُسْلِمٌ (seorang Islam), kemudian menjadi المُسْلِمُ (seorang muslim tertentu), iaitu (الْمُسْلِمُ = ا ل + مُسْلِمٌ)

g- *Yā' bertasydīd* (يَاءُ مُشَدَّدةً) dan *ta' marbūṭat* pada akhir kata, seperti perkataan إِنْسَانٌ (manusia) menjadi إِنْسَانٌ (seorang yang mempunyai perikemanusiaan), iaitu (إِنْسَانٌ = ة + ي + ا ن س آ ن). Perkataan ini dalam BA dikenali sebagai *mashdar sinā'iyy* (مَصْدَرْ صَنَاعِيٌّ).

Dariuraian ringkas di atas dapatlah ditegaskan bahawa penambahan huruf pada suatu kata akan menentukan perubahan makna, sama ada pada BA ataupun BM. Oleh yang demikian sebelum penulis

menghuraikan fonem-fonem imbuhan secara keseluruhan, terlebih dahulu penulis ingin menghuraikan dua jenis perkataan BA iaitu feminin (*mu'nnath*) dan maskulin (*mu'zakkir*), kerana salah satu daripada keduanya merupakan jenis perkataan yang berimbuhan, seperti penjelasan di bawah ini:

5.2 KN Feminin dan Maskulin dalam BA

Feminin dan maskulin adalah satu istilah yang merujuk kepada jantina, sama ada berupa manusia ataupun haiwan. Penulis berpendapat bahawa istilah ini diambil dari firman Allah :

﴿وَمِنْ كُلِّ شَيْءٍ خَلَقْنَا زَوْجِينَ لِعَلْكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

Maksudnya: Dan segala sesuatu Kami ciptakan berpasang-pasangan, supaya kamu mengingat akan kebenaran Allah (Surah al-Dhāriyāt:49)

Dan firman Allāh:

وَأَنَّهُ خَلَقَ الرُّؤْجِينَ الذَّكَرَ وَالْأُنْثَى

Maksudnya: Dan bawwasanya Dialah yang menciptakan berpasang-pasangan laki-laki dan perempuan (Surah an-Najm :45)

Berdasarkan ayat al-Quran al-Karīm ini, maka lahirlah dua istilah di atas pada semua benda-bendaan, termasuk perkataan. Maka perkataan dalam BA secara garis besarnya dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu: maskulin (*mudhakkir*) dan feminin (*mu'annath*). Kata maskulin ialah kata yang merujuk kepada makna lelaki atau jantan, dan feminin ialah kata yang merujuk kepada makna wanita atau betina. Penggolongan ini seperti yang

dikatakan oleh al-Ghalāyīnī (1968 Jld.1: 98)

الاسم إِمَّا مَذْكُورٌ وَإِمَّا مَوْتَىً، فَالْمَذْكُورُ : مَا يَصِحُّ أَنْ تُشِيرَ إِلَيْهِ بِقَوْلِكَ : هَذَا ، كَرِجْلٍ وَحَصَانٍ وَقَمَرٍ وَكِتَابٍ . وَالْمَوْتَىً : مَا يَصِحُّ أَنْ تُشِيرَ إِلَيْهِ بِقَوْلِكَ : هَذِهِ ، كِامْرَأَةٍ وَنَاقَةٍ وَشَمْسٍ وَدَارٍ .

Maksudnya: Kata nama terbahagi kepada dua bahagian, iaitu mudhakkar dan mu'annath. Mudhakkar ialah kata nama yang dapat diisyaratkan dengan kata *هذا* seperti : رَجُل (orang lelaki), حَصَان (kuda), dan كِتَاب (kitab). Sedangkan kata mu'annath ialah kata yang dapat diisyaratkan dengan kata *هذه* seperti : اِنْتَه (wanita), عَنْتَه (unta), شَمْس (matahari) dan جَز (rumah).

Teks di atas menunjukkan bahawa konsep maskulin (*mudhakar*) dan *mu'annath* (feminine) dalam BA mencakupi semua perkataan, baik dari jenis manusia mahupun haiwan, benda-bendaan yang bernyawa mahupun yang tidak bernyawa. Namun dalam kaitan ini akan dihuraikan secara terperinci tanda-tanda perkataan feminin (*mu'nath*), dan jenis-jenisnya seperti huraian di bawah ini:

5.2.1 Tanda-Tanda Feminin (*Mu'anath*) dalam BA

Seperti yang telah dihuraikan secara ringkas di atas, bahawa untuk mengetahui sesuatu kata itu sebagai jenis maskulin atau feminin, terlebih dahulu perlu mengetahui huruf imbuhan yang merupakan tanda-tandanya.

Syawqīy Dayf (1986 : 174) mengatakan:

إِنَّ عَلَمَاتِ التَّائِبِ فِي الْإِسْمِ ثَلَاثٌ ، وَهِيَ التَّاءُ ، وَالْأَلْفُ الْمَقْصُورَةُ ، وَالْأَلْفُ الْمَدُودَةُ .

Maksudnya: 'Tanda ta' nīth (feminin) pada kata nama memiliki tiga ciri, iaitu tā', alif maqsūrat, dan alif mamdūdāt.'

5.2.1.1. Tambahan tā, Ta'nīth

al-Suyūtīy (Jld. 2, t.t. : 121) mengatakan bahawa:

Tanda tā' (i) bagi membezakan jenis kata maskulin daripada kata feminin. Tanda ini banyak digunakan di dalam pertuturan orang Arab berbanding tanda-tanda yang lainya, sehingga banyak perkataan yang digolongkan jenis kata feminin tetapi tidak menzahirkan tanda femininnya, baik lafżī mahupun ma'nawiy, seperti kata جَمِيعٌ وَ مَعْنَى (tangan dan mata).

Walaupun demikian perlu ditegaskan di sini, bahawa kata nama mu'annath (*feminine nouns*) dalam BA, tidak semestinya ada tanda-tanda ta' ta'nīth. Jenis kata ini sangat banyak dalam BA, baik dari golongan manusia, haiwan, mahupun benda-bendaan, seperti kata: أَرْضٌ (bumi), سَمَاءُ, (langit) زَيْنَبٌ (Zainab) كُلُثُومٌ (Kulthum) وَأَمْ أَيْمَانٍ (Umm Ayman). Dari hakikat ini makalahirlah jenis-jenis feminin (*mu'anath*) secara lafżīy dan haqīqīy sepertiuraian di bawah ini.

(i) Feminin Secara Lafżīy (*Mu'anath Lafżīy*)

Tidak semua kata yang mengandungi tanda ta' ta'nīth (tanda feminin) dalam BA menunjukkan kata *mu'annath*, seperti perkataan yang digolongkan sebagai *mu'annath lafżīy* ertinya, perkataan tersebut dilihat

dari segi lafaznya sebagai *mu'annath*, tetapi pada hakikatnya *mudhakkar*.

Syawqīy Dayf (1986 : 174) mengatakan:

إِنَّ هَذِهِ الْلُّغَةَ اسْتَخْدَمَتْ هَذِهِ النَّائِ أَحْيَانًا فِي غَيْرِ الْمُؤْثِثِ، وَفِيمَا يُسَمَّى بِالْمُؤْثِثِ الْلُّفْظِيِّ.

*Maksudnya:’ Kadang-kadang kata nama dalam BA menggunakan tanda *ta'(s)*, tetapi bukan kata *mu'annath haqīqī*. Perkataan ini dikenali sebagai *mu'annath lafzīy*.’*

Perkataan *mu'annath lafzīy* mempunyai berbagai-bagai bentuk, mengikut fungsinya dalam kata. Salah satunya ialah dengan penambahan *tā'*, sepertiuraian di bawah ini:

1- *tā' marbuṭah* yang terdapat pada kata nama, tetapi kata itu menunjukkan nakna maskulin, seperti حَمْزَةٌ وَطَلْحَةٌ (nama orang). Kata tersebut apabila dijamakkan harus diikutkan ketentuan jamak *mu'annath*, begitu juga *i'rabnya*. Contoh: هَمَزَاتٌ وَطَلَحَاتٌ (nama bagi orang lelaki).

2- *tā' marbuṭah* yang menunjukkan makna مُبَالَغَةٌ (makna kepalingan) seperti رَوِيَّةٌ (orang yang banyak meriwayatkan / perawi). (orang yang sangat 'ālim). Kata tersebut untuk menyifatkan orang lelaki atau perempuan yang 'ālim dan perawi.

3- *ta' marbuṭah* yang mengandungi makna penghinaan terhadap seorang lelaki atau perempuan, seperti kata إِنْعَةٌ (seorang wanita yang tak baik).

Kata tersebut apabila dijamakkan mengikut kacalah jamak *mu'annath* ۖ

نَعَاثٌ

4- *tā' marbuṭah* yang menunjukkan makna tunggal (satu), seperti kata حَمَّا

ةً (burung merpati).

5- *tā' marbuṭah* yang mengandungi makna golongan, seperti شَافِعِيَّةٌ

(golongan syāfi'iyy) وَمَالِكِيَّةٌ (golongan Maliky) وَمُعْتَزِلَةٌ (golongan

Mu'tazilat) وَصُوفِيَّةٌ (golongan sufiy) وَسُنْنَةٌ (golongan ahli sunnah).

6- *tā' marbuṭah* yang menjadi ganti daripada huruf yang di sembunyikan, seperti شَفَّةٌ (bibir). Jika kata tersebut dinašabkan, maka menjadi شَفَرِيٌّ.

huruf yang tersembunyi menjadi zahir iaitu *waw*.

7- *tā' marbuṭah* yang menunjukkan tanda jamak, seperti أَسْتَاذَةٌ (ustaz-

ustaz) وَطَلَبَةٌ (pelajar-pelajar) وَنِسَاءٌ (pemuda-pemuda) وَأَرْدَقَةٌ (lembah-

lembah) (Lht: al-Ghilāyīnīy 1968 Jld.1:100)

(ii) Feminin Secara Hakiki (*Mu'annath Haqīqiy*)

Selain *mu'annath lafzīy* yang telah diuraikan di atas, ada juga feminin yang sebenar (*mu'annath haqīqiy*). Menurut 'Abbās Ḥassan (tt. Jld.4 :546) dan al-Ghalāyīnīy (1968 Jld.1:99) tanda-tanda *mu'annath* tersebut seperti berikut:

a-Penambahan *tā'* *marbuṭah* yang terdapat pada kata nama *musytāq* (kata nama terbitan), misalnya kata pelaku: كاتبة كاتب (jurutulis wanita), atau *ism maf'ūl* seperti: مقتول ومقتولة (wanita yang dibunuh). Sebaliknya *tā'* tersebut tidak ditambah kepada kata nama jati (*jāmid*), kecuali dengan cara *samā'i* (tidak mengikut kaedah), seperti kata nama أسدّة-أسدّ (singa) dan غلام - غلامة (budak-budak).

Menurut 'Abbās Hassan (tt. Jld.4: 546-548) dan al-Galāyīnīy (1968 Jld.2: 100), bahawa terdapat beberapa kata nama *musytāq* yang tidak terdapat *tā'* *ta'nīth* (feminin), tetapi menjadi sifat bagi kata feminin, seperti perkataan-perkataan yang mengikut *wazan* berikut:

رأيْتُ امْرَأَةً مَفْعُولَّاً فَعَيْلَّاً
1- (fir'iil) yang mengandungi makna *maf'ūl*, seperti

جَرِيجَانَ، بِمَعْنَى مَهْرُوجَانَ (saya melihat seorang wanita terluka).

وَحَقُورٌ فَعُولٌ² (fa'ūl) yang mengandungi makna فَاعِلٌ (fā'il), seperti

(orang yang dengki) شَكُورٌ (shakūr) (orang yang bersyukur) صَبُورٌ (shabūr) (orang yang

sabar), mengandungi makna: شَاكِرٌ وَصَابِرٌ وَحَاقِدٌ (shākar, shābir, wa ḥaqid) mengandungi makna

orang yang bersyukur, sabar dan dengki). Contoh dalam ayat هَذَا رَجُلٌ مَسْتَحْمِلٌ

صَبُورٌ وَامْرَأَةٌ صَبُورٌ (orang ini lelaki yang sabar, dan orang wanita yang

sabar). Tetapi apabila bentuk kata tersebut tidak mengikut kepada pola

هَذِهِ سَيَّارَةٌ رَكْوَبٌ أَوْ فَاعِلٌ³, maka kadang-kadang diberi tanda *tā'*, misalnya هَذِهِ سَيَّارَةٌ رَكْوَبٌ أَوْ

رَكْوَبَةٌ، بِمَعْنَى مَرْكُوبَةٌ (kereta ini dinaiki / sebagai kendaraan).

3- مِفْعَالٌ (mif'āl), seperti هَذِهِ امْرَأَةٌ مِهْدَارٌ (wanita ini banyak merepet).

4- بِغَيْلٌ (mif'al), seperti هَذَا رَجُلٌ بِغَيْشَمٌ وَامْرَأَةٌ بِغَيْشَمٌ (orang ini lelaki dan

wanita yang tidak baik akhlaknya).

5- بِنْفِيلٌ (mif'il), seperti امْرَأَةٌ بِنْطِينٌ (seorang wanita yang memakai

haruman) dan بِنْطِينٌ لِلرَّجُلِ الْبَالِغِ وَالْمَرْأَةِ الْبَالِغَةِ (seorang lelaki dan wanita

baligh yang mempunyai fikiran matang).

Di samping beberapa kata nama *musytāq* yang tidak terdapat tanda *tā'* *ta'nīh* seperti yang telah dikemukakan di atas, ada pula kata nama

musylāq yang kadang-kadang terdapat *ta' nīth*, jika kata tersebut menjadi sifat bagi kata wanita, contohnya:

1- kata nama *musylāq* yang menunjukkan makna khas bagi wanita. Contoh

هَذِهِ اُمْرَأَةٌ حَامِلٌ وَحَامِلَةٌ وَمُرْضِيٌّ وَمُرْضِيَّةٌ : (wanita ini

sedang mengandung, dan yang sedang menyusui).

2- *أَبْجَلَتْ الْمُصَادَمَةُ عَنْ فَاعِلٍ (fa'il)*, yang mengandungi makna seperti

فَسَاءَةُ قَسْيْلٍ وَفَسَاءَةُ جَرْبِعٍ (insiden itu telah mengakibatkan seorang wanita

terbunuh, dan seorang wanita yang cedera). Lht. 'Abbās Ḥasan (tt.Jld 4: 442-443).

5.2.1. 2 Tambahan *Alif Ta'nīth Maqsūrat*.

Sebelum penulis menghuraikan lebih lanjut kajian ini, terlebih dahulu penulis jelaskan tentang hakikat *alif ta'nīth* tersebut, iaitu seperti yang dikatakan oleh al-Ghalāyīnī (1968 Jld.1: 103), yang mendefinisikan: *alif ta'nīth maqsūrat* ialah huruf alif yang ditulis sebagai huruf *yā'* jika terletak pada huruf keempat dan seterusnya. Contoh; بُشْرَى (berita

gembira) dan مُحْسِنَةٌ (nama orang), atau terletak pada urutan ketiga,

yang asalnya berupa huruf *yā'*. Contoh: الْمُهَنْدَى (pemuda) dan الْمُهَنْدَى

(petunjuk), dan ditulis berupa *alif* jika pada huruf ketiga, yang asalnya berupa huruf *waw*. Contoh: العَلَى (tinggi) dan الْرِبَا (riba).

Penambahan ini menurut Ibn Mālik (Jld.2, t.t. : 432) terdapat pada kata nama yang *mu'rab*, baik berupa kata nama terbitan (*musytāq*) mahupun jati (*jāmid*), secara samā'i. Jenis ini terdapat berbagai-bagai wazan yang selalu dituturkan oleh orang Arab seperti berikut:

1- فُعَلَى (*fu'alā*), seperti: شَعَبَى وَادَمَى (nama tempat).

2- فُعَلَى (*fu'lā*) , seperti: حُلْنَى (wanita yang mengandung), dan *ruj'ā* (

رجَحَى (kembali)

3- فُعَلَى (*fa'alā*) , seperti :*baradā* (nama sungai di Syām) dan

masyakā (مشيكي) (unta yang berjalan laju).

4- فُعَلَى (*fa'lā*), seperti : شَبَقَى (kenyang) dan مَرْضَى (beberapa

pesakit).

5- فُعَلَى (*fu'alā*) , seperti سَنَقَى (sifat dusta dan kebatilan / diertikan

juga sebagai nama awan di udara).

6- فُعَالَى (*fu'alā*) , seperti حَبَارَى وَسُمَانَى (nama burung), dan سَكَارَى

(mabuk).

7- فَعْلَى (fi 'allā), seperti سُبْطَرَى (jalan berlagak sombong).

8- فَعْلَى (fi 'lā) , seperti ذِكْرَى (peringatan) dan حَجْلَى (nama

burung).

9- فَعْلَى (fi 'lā) , seperti حِثْيَى (menggerakan), dan خَلِيفَى (khalifah).

10- فَعْلَى (fa'lā) seperti بَذْرَى (mubazir).

11- فَعْلَى (fu'aylā) , seperti خَلْيَطَى (bercampur). Lht. Ibn Mālik (Jld. 2

tt. : 396) :

Wazan-wazan yang telah disebutkan di atas adalah menunjukkan perkataan feminin (*mu'annath*) yang selalu dituturkan oleh orang Arab. Selain daripada itu, terdapat juga wazan-wazan yang menunjukkan makna yang sama, tetapi tidak banyak dituturkan oleh orang Arab, seperti: *fa'yalā* (فَعْلَى), contohnya: حِسْرَى (kerugian) dan *wazan fa'lawā* (فَعْلَوَى), seperti: هَرْتَرَى (nama tumbuh-tumbuhan). Lht. 'Abbās Hasan (tt.Jld.4" 447).

5.2.1.3 Tambahan *Alif Ta'nīth Mamdūdaṭ*

Tanda feminine (*mu'annath*) yang ketiga ialah menambahkan *alif ta'nīth mamdūdaṭ* pada kata nama yang *mu'rab*, baik *jāmid* maupun *musytāq* secara samā'i. al-Ghalāyīnīy (1968 Jld.1: 105) mendefinisikan alif tersebut:

ialah huruf hamzat yang sebelumnya berupa huruf alif. Adapun tandanya adalah seperti berikut:

1-ada kalanya berupa huruf asal, seperti : قُرَاءٌ (qari-qari) dan قَصَاءٌ (qasā'a)

(cahaya) . Kedua-duanya berasal daripada perkataan: قَرَأَ

(membaca) dan قَصَّوْ (cahaya).

2-sebagai ganti daripada huruf *yā'*, seperti : بَنَاءٌ (binaan), yang berasal

dari perkataan بَنَى , atau sebagai ganti daripada huruf *waw*,

seperti: سَمَاءٌ (langit) dan عَدَاءٌ (musuh), yang berasal daripada

perkataan : عَدُوٌ وَسَمَّارٌ.

3-sebagai tambahan bagi menunjukkan perkataan feminin, seperti حَسَنَاءٌ

(cantik) dan حُمْرَاءٌ (merah), yang berasal daripada perkataan: حُسْنٌ

dan حُمْرَةٌ.

4-sebagai huruf tambahan, seperti حِبَاءٌ (nama haiwan) dan قُرْبَاءٌ (jenis

penyakit).

Penambahan alif ta'nith mamdūdāt tersebut terdapat juga pada *wazan-wazan* yang selalu dituturkan oleh orang Arab, seperti contoh berikut:

1- فَعْلَاءُ (fa'lā'), seperti صَحْرَاءُ (padang pasir) dan حَمْرَاءُ (merah).

2- أَفْعَلَاءُ (af'ilā'), seperti أَرْبَاعَاءُ (hari Rabu).

3- فَعْلِلَاءُ (fa'lalā'), seperti عَقْرَبَاءُ (kalajengking, atau nama suatu tempat).

4- فِعَالَاءُ (fi'älā'), seperti قَصَاصَاءُ (balasan yang sama).

5- فُعْلَاءُ (fu'lulā') seperti قُرْفَصَاءُ (bentuk / gaya tertentu orang yang duduk).

6- فَاعُولَاءُ (fā'u'lā'), seperti تَاسُوْعَاءُ وَعَاشُورَاءُ (tarikh hari bulan sembilan dan sepuluh safar).

7- فَاعِلَاءُ (fā'ilā'), seperti غَائِبَاءُ (ghaib) (tempat untuk makan) قَاصِيَاءُ (qasīyā') (munafik)

8- فِعِيلَاءُ (fi'liyā'), seperti كَبِيرَاءُ (sifat sompong).

9- مَفْعُولَاءُ (maf'ülā'), seperti مَسْتَهْرَخَاءُ (para masyayikh).

10- فُعَلَاءُ (fa'alā'), seperti جَنَفَاءُ (nama suatu tempat)

11- فَعِيلَاءٌ وَكَرِيْثَاءٌ (fi'ilā') , seperti (dua nama buah sejenis kurma).


12- فَعِيلَاءٌ مَرِيْثَاءٌ (fa'ilā' , seperti (nama buah jenis kurma).

13- فَعِيلَاءٌ حُنْقَسَاءٌ (fun'alā) (nama haiwan)

14- فَعُولَاءٌ جُوْلَاءٌ (fu'ilā') , seperti (nama sebuah negeri di Irak). Lht:

Ibn Mālik (Jld.2 tt: 398-399).

Berdasarkanuraian di atas dapat disimpulkan bahawa terdapat berbagai-bagai pola perkataan feminin (*mu'annath*) dalam BA. Jenis ini mencakupi semua perkataan, sama ada dari jenis manusia, haiwan dan benda-bendaan. Tanda-tanda *ta'nīth* dalam BA ada tiga jenis, iaitu *tā'* *ta'nīth*, *alif al-maqṣūraṭ*, dan *alif al-mamduḍaṭ*. Begitu juga terdapat berbagai-bagai perkataan *mu'annath* sama ada yang tidak menggunakan tanda *ta'nīth* mahupun yang menggunakan tanda *ta'nīth* (*tā' marbūṭat*). Perkataan-perkataan yang ada *tā' marbūṭat* yang merupakan kata *mu'annath* dikenali sebagai *mu'annath luqīqīy*; sebaliknya adalah *mu'annath lafzīy*. Untuk lebih penjelasannya snya lihat rajah di bawah ini:



10-Gambar Rajah 5.1 Tanda-Tanda Feminin BA

5.3 Kata Nama Feminin Dalam BM

BM sebenarnya tidak mengenal apa yang disebut sebagai kelamin kata (gender), seperti yang terdapat dalam BA. Untuk menyatakan jenis kelamin bagi kata nama yang merujuk kepada manusia dan binatang, BM menggunakan kata “lelaki” dan “perempuan”. Untuk binatang dan tumbuh-tumbuhan pula digunakan “jantan” dan “betina”. Juga untuk beberapa benda yang tidak bernyawa digunakan “jantan” dan “betina”. Jantan untuk menyatakan yang besar dan kuat, betina untuk menyatakan benda yang kecil dan lemah. Misalnya *embun jantan*, *embun betina*, *kasau jantan* *kasau betina* (Lht. Asmah Hj. Omar, 1982 :26). Walaupun ada yang mengatakan bahawa dalam BM terdapat perkataan-perkataan feminin dan maskulin, tetapi perkataan tersebut, sebetulnya berasal daripada bahasa Sanskrit dan juga dari BA seperti *sultan-sultanah*, *ustaz- ustazah*. Kenyataan ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Liaw Yock Fong (1994: 20): "Dalam BM terdapat juga sejumlah perkataan yang membezakan kelamin kata. Kebanyakan perkataan ini adalah perkataan yang berasal dari Bahasa Sanskrit." Contohnya:

dewa	dewi
putera	puteri
siswa	siswi
saudara	saudari
seniman	seniwati
pemuda	pemudi

Walaupun kalau diteliti secara detail pada BM juga terdapat beberapa perkataan yang membezakan kelamin kata, tetapi tidak menggunakan tanda, seperti jenis lelaki atau jantan , dan jenis perempuan atau betina, seperti contoh-contoh berikut ini:

1- Bagi manusia,- terdapat beberapa perkataan khas yang digunakan bagi menyatakan sama ada manusia itu lelaki atau perempuan.

Contoh-contohnya:

<i>Lelaki</i>	<i>Perempuan</i>
abang	kakak
ayah	emak
ayahanda	bonda
bapa	ibu
dato'	datin
hamba	jariah (dari BA)
laki	bini
maharaja	maharani
olahragawan	olahragawati
pemuda	pemudi

raja	permaisuri
sasterawan	sasterawati
saudara	saudari
seniman	seniwati
suami	isteri
sukarelawan	sukarelawati
sultan	sultanhah (dari BA)
syed	sharifah (dari BA)
tuan	puan
pak cik	mak cik

Selain daripada perkataan-perkataan di atas, ada pula perkataan-perkataan nama yang boleh digunakan untuk lelaki dan juga untuk perempuan, seperti: *adik, anak saudara, budak, doktor, guru, jiran, kerani, murid, pemandu, sahabat*. Bagi menentukan jantinanya, maka perlulah ditambah perkataan “lelaki” atau “perempuan” di hujung nama-nama tersebut, seperti: *adik lelaki, anak saudara lelaki, anak saudara perempuan, doktor lelaki, doktor perempuan, guru lelaki, kerani perempuan, murid lelaki, sahabat perempuan* dan sebagainya.

2- Jenis binatang. Bagi menyatakan jantina binatang pula ialah dengan menambahkan perkataan “ jantan” atau “betina” di akhir perkataan itu, atau perkataan “bapa” atau “ibu” di awal, seperti:

<u>Jantan</u>	<u>betina</u>
kambing jantan	kambing betina
bapa kambing	ibu kambing

kucing jantan	kucing betina
bapa kucing	ibu kucing (Lht.Asmah :1993: 28)

Perlu diketahui, bahawa benda-benda yang tidak bernyawa seperti kerusi, meja, api, dan yang lain-lain, tidak ditentukan jantinanya. Akan tetapi ada juga yang ditentukan jantinanya bagi membezakan di antara jenis-jenis perkataan yang lain, seperti:

rambutan jantan	: yang bererti pokok rambutan yang tidak berbuah
garam jantan	: yang bererti garam yang kasar
embun jantan	: yang bererti embun yang kasar titiknya
busut jantan	: yang bererti busut yang besar lagi tinggi.

Menurut Liaw Yock Fong (1994: 20) dalam BM terdapat beberapa perkataan yang huruf akhirnya berupa huruf "a", untuk menunjukkan jenis perkataan maskulin, sedangkan berupa huruf "i", menunjukkan perkataan feminin, seperti:

mahasiswa	mahasiswi
dewa	dewi
pemuda	pemudi
putra	putri

Begitu pula dalam BM terdapat perkataan-perkataan yang berakhiran “wan” atau “man” yang menunjukkan jenis perkataan maskulin, sebaliknya jika berakhiran “wati” akan menjadi jenis perkataan feminin, seperti:

wartawan	wartawati
karyawan	karyawati
sukarelawan	sukarelawati
hartawan	hartawati
olahragawan	olahragawati
seniman	seniwati
budiman	budiwati

Terdapat pula jenis-jenis lain yang digunakan untuk membezakan di antara perkataan maskulin dan feminin dalam BM, seperti:

ayah	ibu
pak cik	mak cik
datuk	neneh
suami	isteri
raja	ratu

Selain jenis-jenis yang telah disebutkan di atas, dalam BM terdapat perkataan-perkataan asing (Arab) yang digunakan untuk membezakan lelaki dan perempuan, seperti:

muslimin	muslimat
mukmin	mukminat
hadirin	hadirat

ustaz	ustazah
qari	qariah
muballigh	mubalighah
haji	hajah

5.4 Aspek Persamaan dan Perbezaan

Berdasarkan huraian mengenai kata feminin (*mu'annath*) dalam kedua-dua bahasa (BA dan BM), maka dapat disimpulkan bahwa pada keduanya terdapat persamaan dan perbezaannya, iaitu sebagai berikut:

- 1-Pada BA terdapat kelamin kata (gender). Maksudnya, ada perkataan yang dapat digolongkan ke dalam jenis maskulin (*mudhakkar*) dan juga feminin (*mu'annath*), sama ada *mu'annath haqiqiy* (sebenarnya), ataupun *majazi* (tidak sebenarnya / tiruan). Sesuatu perkataan itu digolongkan ke dalam *mu'annath* jika terdapat tanda-tanda *ta'nīth*, sama ada *lafzīy* mahupun *ma'navīy*, dan digolongkan ke dalam maskulin (*mudhakkar*), apabila tidak terdapat tanda *ta'nīth*, ataupun terdapat tanda *ta'nīth* seperti 'ذَجَّ', yang merupakan nama bagi orang lelaki. Perkataan tersebut dikenali sebagai *mu'annath lafzīy*.

- 2-*Mu'annath* dalam BA tidak terbatas pada perkataan-perkataan yang merujuk kepada manusia, tetapi juga haiwan dan benda-bendaan. Ketentuan sebegini tidak terdapat dalam BM, kecuali beberapa benda

yang digolongkan sebagai feminin (*mu'annath*) seperti *rambutan betina*, *garum betina*, *embun betina*....dengan memberikan kata sifat selepasnya.

3-Asal perkataan dalam BM tidak mengenal perkataan *mu'annath*, seperti yang dikatakan oleh Asmah di atas. Akan tetapi kalau diteliti secara detail, sebenarnya terdapat beberapa perkataan yang merujuk kepada *mu'annath* (feminin), seperti *ibu*, *neneh*, *isteri*, *mak*, *cik*, *datin*, *kakak*, dan *yang lain*..... Di samping itu, terdapat pula perkataan-perkataan lain yang merujuk kepada feminin yang sebahagiannya telah diserap dari bahasa asing, sama ada dari bahasa Sanskrit atau BA, seperti contoh-contoh di atas.

4-Perkataan *perempuan* dalam BM untuk merujuk kepada manusia jenis wanita, dan *betina* untuk merujuk perkataan feminin jenis haiwan dan benda-bendaan.

5-Tanda *ta'nīth*, *ta'* dalam BA sebagai ciri kata feminin untuk semua jenis, sama ada merujuk kepada manusia, haiwan dan benda-bendaan. Ciri sedemikian ini tidak terdapat pada BM. Kecuali beberapa perkataan yang diserap dari bahasa Sanskrit dan BA seperti pada contoh-contoh di atas.

6-Selain daripada itu perkataan feminin dalam BA menggunakan tanda huruf, kecuali perkataan-perkataan yang sudah menjadi nama bagi wanita. Sedangkan tanda feminin dalam BM menggunakan perkataan yang diletakkan selepasnya sebagai sifatnya, kecuali perkataan-

perkataan yang diserap dari BA dan bahasa Sanskrit. Terdapat beberapa perkataan lainnya seperti mak cik, nenek, isteri, ibu...yang jumlahnya tidak banyak.

5.5 KN Duaan (*Tathniyyat*)

Bentuk perkataan berimbahan yang kedua ialah kata NM duaan (*tathniyat*), iaitu salah satu pola perkataan BA yang mengandungi makna dua. Dalam BM misalnya, perkataan “*buku*” menunjukkan makna tunggal, jamaknya ialah mengulang-ulang atau menggandakan kata tersebut, seperti “*buku-buku*”. Dalam bahasa Inggeris pola kata “*book*” mengandungi makna tunggal, jamaknya ialah “*books*” Kedua-dua bahasa (BM dan BI) mempunyai dua jenis bilangan “mufrad dan jamak” Sedangkan dalam BA, perkataan dari segi bilangannya, tidak hanya terbatas pada dua kategori bilangan, tetapi terdapat tiga kategori bilangan, iaitu: *mufrad (singular)*, *tathniyat (dual)* dan *jamak (plural)*.

5.5 KN Duaan (*Tathniyyat*) dalam BA

Sepertimana telah diuraikan di atas, bahawa salah satu jenis kata bilangan dalam BA ialah pola duaan (*tathniyyat*) iaitu perkataan yang mengandungi makna dua. Pola sedemikian ini merupakan salah satu ciri bahasa Semetik, seperti yang dikatakan oleh Maḥmūd Fahmī Ḥijāzī (1973: 143):

فَكُلُّ اسْمٍ فِي الْلُّغَاتِ السَّامِيَّةِ لَا يُبْدِئُ وَأَنْ يُعَبِّرَ عَنْ مُفْرَدٍ أَوْ عَنْ مُشَقِّي أَوْ عَنْ جَمْعٍ، وَلَيْسَ هَذِهِ دَائِمًا حَالُ الْلُّغَاتِ الْأَخْرَى.

Maksudnya: Tiap-tiap kata nama dalam bahasa Semetik (BS) menunjukkan makna tunggal, *tathniyat* (dual) dan jamak. Pembahagian sedemikian ini tidak terdapat pada kebanyakan bahasa-bahasa lain.

Mufrad (*singular*) ialah, suatu kata yang menunjukkan makna tunggal, seperti مُكْتَبٌ، مَسْجِدٌ، مُحَمَّدٌ (pejabat, masjid dan Muhamad).

Sedangkan perkataan duaan (*tathniyyat*) ialah perkataan yang menunjukkan makna dua. Kenyataan ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Sulaymān Yaqūt (1993: 44) yang mendefinisikan:

الْمُشَنِّي كُلُّ اسْمٍ دَلَّ عَلَى اثْنَيْنِ بِزِيادةِ الْأَلْفِ وَتُؤْنَنُ مَكْسُورَةً فِي آخِرِهِ
رَفْعًا، أَوْ يَاءٍ وَتُؤْنَنُ مَكْسُورَةً نَصِيبًا وَجَرًّا، وَكَانَ صَالِحًا لِلتَّجْرِيدِ مِنْهُمَا.

Maksudnya: *Tathniyat* ialah setiap kata nama yang menunjukkan makna dua dengan membubuhkan huruf alif dan *nūn* yang dibaca kasra^l huruf akhirnya, dalam keadaan *rafa'*, atau *yā'* dan *nūn* dibaca kasra^l huruf akhirnya, dalam keadaan *nasab* dan *jar*, dan huruf imbuhan itu boleh dihilangkan daripada keduanya.

Definisi ini menunjukkan bahawa suatu kata apabila diberi tambahan *alif* dan *nūn*, atau *yā'* dan *nūn* maka kata tersebut menunjukkan makna dua (*dual*) seperti kata bayt = بَيْتَانٌ (dua rumah), atau نَسْيَانٌ (dua rumah). Kaedah ini sesuai dengan firman Allāh:

﴿لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ﴾

Maksudnya: Bagi laki-laki ada hak bahagian dari harta peringgalan ibu bapa dan kerabatnya (Surah al-Nisā' : 7).

*Maksudnya: Tiap-tiap kata nama dalam bahasa Semetik (BS) menunjukkan makna tunggal, *tathniyat* (dual) dan jamak. Pembahagian sedemikian ini tidak terdapat pada kebanyakan bahasa-bahasa lain.*

Musrad (*singular*) ialah, suatu kata yang menunjukkan makna tunggal, seperti مُكْبَرٌ، مَسْجِدٌ، مُحَمَّدٌ (pejabat, masjid dan Muhamad).

Sedangkan perkataan duaan (*tathniyyat*) ialah perkataan yang menunjukkan makna dua. Kenyataan ini selari dengan apa yang dikatakan oleh Sulaymān Yaqūt (1993: 44) yang mendefinisikan:

الْمَفْنَى كُلُّ اسْمٍ دَلَّ عَلَى أُثْنَيْنِ بِزِيَادَةِ الْأَلْفِ وَتُؤْنَى مَكْسُورَةً فِي آخِرِهِ
رَفْعًا، أَوْ يَاءٍ وَتُؤْنَى مَكْسُورَةً نَصِيبًا وَجَرًا، وَكَانَ صَالِحًا لِلتَّجْرِيدِ مِنْهُمَا.

Maksudnya: Tathniyat ialah setiap kata nama yang menunjukkan makna dua dengan membubuhkan huruf alif dan nūn yang dibaca kasrat huruf akhirnya, dalam keadaan rafa', atau yā' dan nūn dibaca kasrat huruf akhirnya, dalam keadaan nasab dan jar, dan huruf imbuhan itu boleh dihilangkan daripada keduanya.

Definisi ini menunjukkan bahawa suatu kata apabila diberi tambahan *alif* dan *nūn*, atau *yā'* dan *nūn* maka kata tersebut menunjukkan makna dua (*dual*) seperti kata bayt = بَيْتٌ + بَيْتٌ (dua rumah), atau نٌ + يٌ = يَتٌ + يَتٌ (dua rumah).

Kaedah ini sesuai dengan firman Allāh:

﴿لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ﴾

Maksudnya: Bagi laki-laki ada hak bahagian dari harta peninggalan ibu bapa dan kerabatnya (Surah al-Nisā' : 7).

dan firman Allāh :

﴿وَإِنْ يَكُنْ مِّنْكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوا أَلْفَيْنِ يَا ذُنُونُ اللَّهِ﴾

Maksudnya: Jika ada di antaramu seribu (orang yang sabar), nescaya mereka dapat mengalahkan dua ribu orang, dengan izin Allāh. (*al-Anfāl: 66*).

Untuk dapat menerapkan huruf imbuhan tersebut dengan lebih jelas dan tepat sesuai dengan kaedah, maka kita perlu memperhatikan syarat-syarat kalimat atau kata yang hendak ditathniyatkan dan cara membubuhkan dua huruf, *alif* dan *nūn* atau *yā'* dan *nūn*. Oleh itu,uraian berikutnya adalah mengenai syarat-syarat tersebut.

5.6.1 Syarat-Syarat KN Yang ditathniyatkan dan Cara Pengimbuhan *Alif* dan *Nūn* atau *Yā'* dan *Nūn*.

Menurut al-Ghalāyīnī terdapat berbagai-bagai syarat kata nama yang hendak ditathniyatkan seperti berikut: *mu'rab*, *nākirat*, *mufrad*, bukan *murakkab* dan suatu perkataan harus ada kesamaan antara lafadz dan maknanya. Kesemua syarat tersebut dapat dijelaskan sebagai berikut:

- 1- *mu'rab* (perubahan harakat pada akhir kalimah)
- 2- *nakirat* (kata am) seperti *rajul*, atau ism *'ilam* seperti (*Muhammad*). Kata ini boleh *ditathniyatkan* jika terdapat beberapa orang yang menggunakan nama yang sama.
- 3- *mufrad* (kata nama yang menunjukkan makna tunggal).

4- bukan *murukkab* (tidak tersusun), baik berupa *tarkīb majzī*, seperti **بَعْلَبَكَ**

(nama negeri di Yamān), *terkīb wasfī*, seperti **الرَّجُلُ الْفَاضِلُ** (orang lelaki

yang utama), ataupun bentuk *tathniyyat*, seperti **رَجُلَيْنِ** (dua orang lelaki).

Ketiga-tiga jenis perkataan tersebut tidak dapat ditathniyatkan secara langsung, kecuali jika didahului oleh perkataan **ذَوِي / ذَوَى** (dhāwā atau

بَعْلَبَكَ، ذَوِي الرَّجُلِ الْفَاضِلِ، ذَرَا عَابِدَيْنِ (mempunyai), seperti

(Mereka yang mempunyai Ba'labak, orang yang utama dan yang menghambakan diri)

5- kalimat yang akan ditathniyatkan harus sama lafaz dan maknanya seperti

مَكْتَبٌ - مَكْتَبَيْنِ (dua pejabat). Sebaliknya, tarkīb idāfiy (susunan kata

majmuk) tidak demikian, tetapi hanya kata yang pertama sahaja yang ditathniyatkan seperti **عَبْدَ اللَّهِ وَخَادِمَ الدَّارِ مُضَافٌ** (dua Abdullah, dan

dua orang yang berkhidmat di rumah) Lht. al-Ghalāyīnī (1968 Jld.2: 13).

Setelah penulis menghuraikan syarat-syarat perkataan yang ditathniyatkan seperti di atas, selanjutnya akan dihuraikan juga cara-cara penambahan kedua-dua huruf imbuhan pada akhir kata yang akan ditathniyatkan. Demikian itu kerana perkataan dalam BA, jika dilihat dari huruf akhirnya terbahagi kepada dua bahagian: *sahīh akhir* dan *ghayr sahīh*

akhir. Menurut al-Ghalāyīnīy (1968 Jld.2: 14-16), bahawa kedua-dua jenis kata itu apabila hendak ditatathniyatkan, cara-caranya adalah sebagai berikut:

1- Apabila kata tersebut *sahīh akhir* (huruf akhirnya bukan berupa huruf *'illat*, iaitu *alif*, *waw* dan *yā'*,) maka cara mentathniyatkannya dengan menambahkan dua huruf pada akhir kata, tanpa memerlukan proses yang lain, seperti رَجُلٌ - رَجُلَانِ، وَلَدٌ - وَلَدَانِ (dua orang lelaki dan dua anak lelaki).

2- Apabila kata tersebut *bukan sahīh akhir* kaedah-kaedahnya adalah berbeza:

a. ism *mangūṣ* (ism *mu'rab*, yang huruf akhirnya berupa *yā' lāzimat* yang berbaris kasrat sebelumnya). Seperti kata قاضٍ (seorang kadi) dan دَاعٍ

(orang yang memanggil). Cara mentathniyatkannya ialah huruf *yā'* yang tersembunyi harus dižahirkan, seperti kata *qādīn* menjadi *qādīyān* dan *dā'in* menjadi *dā'iyyān* (قاضٍ - قاضٍانِ، داعٍ - داعٍانِ). Jadi, cara demikian ini

mengikut perkataan asalnya, kerana perkataan قاضٍ asalnya adalah داعٍ dan داعيٌّ adalah داعٍ.

b- ism *maqṣūr* (ism *mu'rab*, yang akhirnya berupa *alif lāzimat*). Jika huruf *alif* menempati huruf keempat dan seterusnya, seperti perkataan حبلى (wanita mengandung) dan مُنْسَدِعَى (orang yang dipanggil), maka cara

mentathniyatannya ialah huruf alifnya harus diganti dengan huruf *yā'* sehingga menjadi *حُبْلَيَانٌ* (dua orang wanita yang hamil) dan *وَمُسْتَدِعَيَانٌ* (dua orang yang dipanggil). Apabila huruf alif menempati pada huruf ketiga, maka cara mentathniyatannya ialah menggantikan huruf tersebut dengan *yā'*, seperti kalimah *فَتَنَ* (pemuda), menjadi *فَتَانٌ* (dua orang pemuda), dan huruf alif diganti dengan *waw* seperti *عَصَى* (tongkat) menjadi: *عَصَوَانٌ* (dua tongkat), kerana asal kata itu: *عَصَوْ*.

c- ism *mamdiūd* (ism mu'rab yang akhirnya berupa hamzat dan sebelumnya berupa alif tambahan). Cara mentathniyatannya seperti berikut:

- (1) Apabila hamzat tersebut berupa huruf asal, maka ia tidak memerlukan proses yang lain, seperti *وَضَاءَ-وَضَاءَ إِنْ* (dua sinar).
- (2) Tetapi apabila *hamzat* itu sebagai tanda *ta'nīth*, seperti *وَرَاءَ* (merah) dan *وَصَخْرَاءَ* (padang pasir), maka caranya dengan menggantikan huruf *hamzat* dengan huruf *waw*, kemudian menjadi *حَرْوَانٌ وَصَخْرَوَانٌ*.
- (3) Apabila huruf *hamzat* itu sebagai ganti daripada huruf asal, dalam hal ini boleh dua cara; pertama boleh mengekalkan *hamzat*, dan yang kedua boleh menggantikannya dengan huruf *waw*, seperti kata *كَسَاءَ*, *كَسَاءَانِ* - *كَسَارَانِ*: (dua pakaian).

(4) *Hamza* *li al-ilhāq* (hamza tambahan), seperti kata عَلْبَاءُ (tempat makanan yang diawetkan / tin). Jika ditathniyakan, menurut kebanyakan ahli nahu hamza-nya digantikan dengan huruf *waw*, maka menjadi عِلْبَاءَوَانٍ.

Sepertimana dalam perbahasan kelamin kata, iaitu ada maskulin dan feminin. Kedua-duanya ada yang *haqīqīy* dan ada yang *lafzīy*. Begitu juga halnya *tathniyat*, ada yang *haqīqīy* (asli) dan ada yang *mulhāq* (tiruan). Khusus bagi *tathniyat mulhāq, lafaż-lafażnya* sebagai berikut:

1-kata اثْنَانِ (dua). Perkatan tersebut bukan dari mufrad اثْنَانِ atau اثْنَةِ,

begitu juga kata كَلَّا وَكِلَّا (kedua-duanya). Seperti pada firman Allāh :

﴿لَا تَتَعَدِّلُوا إِلَمْ يَنْ اثْنَيْنِ إِنَّمَا هُوَ إِلَهٌ وَاحِدٌ﴾

Maksudnya: Janganlah kamu menyembah dua Tuhan. Sesungguhnya Dia-lah Tuhan yang Maha Esa (Surah al-Nahl: 51).

Contoh lain: إِشْرِيْتُ اثْنَيْنِ مِنَ السَّيَارَةِ (saya membeli dua kereta), dan

firman Allāh:

﴿كَلَّا الْجَنَّتَيْنِ أَتْ أَكُلُّهَا وَلَمْ تَظْلِمْ مِنْهُ شَيْئًا﴾

Maksudnya: Kedua-dua kebun itu menghasilkan buahnya, dan kebun itu tidak kurang buahnya (al-Kahf: 33).

Contoh lain lagi: حَانَتْ كِلْتُمَا الْمَرْتَبَيْنِ مِنَ السَّفَرِ (datang kedua-dua orang

wanita dari perjalanan), dan رَأَيْتُ كِلْتُمَا الْمَرْتَبَيْنِ فِي الْبَيْتِ (saya melihat edua-

dua orang wanita di rumah). Bentuk sedemikian ini seperti firman Allāh:

﴿وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالِّذِينِ إِحْسَانًا، إِمَّا يَتَلْعَنُونَ عَنْدَكُمْ الْكَبِيرُ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقْلِمْ لَهُمَا أَفْ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كُرْيَعًا﴾

Maksudnya: Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia, dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkatan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia (Surah al-Isrā' : 23).

2- kata زَوْجٌ (genap), kedua-dua kata itu pada asalnya

mengandung makna tathniyat (ثنية), sekalipun tidak terdapat dua huruf

imbuhan, seperti pada pola tathniyat sebelumnya. Kedua-dua kata itu dapat dilihat dalam al-Quran seperti firman Allāh:

﴿يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا﴾

Maksudnya: Hai sekalian manusi, bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari diri yang satu, dan dari padanya Allah menciptakan isterinya (Surah al-Nisā' : 1).

﴿وَالْفَجْرِ وَلَيَالِي عَشْرِ وَالشَّفْعِ وَالْوَتْرِ﴾

Maksudnya: Demi fajar dan malam yang sepuluh dan yang genap dan yang ganjil (Surah al-Fajr : 1,2 dan 3).

Bentuk-bentuk tathniyyat tersebut bukan berupa *tathniyat haqiqiy*, tetapi lebih dikenali sebagai *mulḥāq bi al-muthannā* (tathniyat tiruan). ‘Abbās Ḥasān (Jld. 1, t.t. : 110) mendefinisikan:

مَا يَدْلُ عَلَى شَيْئَنِ وَلَكِنْ مِنْ طَرِيقِ الوضْعِ اللُّغَوِيِّ لَا مِنْ طَرِيقِ الزِّيَادَةِ
، مِثْلُ : شَفْعٌ (ضَدُّ فُرْدٍ وَوَرْثٍ) مِثْلُ : زَوْجٍ ..

*Maksudnya: Mulḥaq tathniyyat ialah kata yang menunjukkan makna dua, berdasarkan ketentuan bahasa yang merujuk kepada makna asal, bukan berdasarkan penambahan, seperti kata *syafi'i*, iaitu lawan kata yang menunjukkan makna satu atau ganjil, dan *zawj* (genap) . . .*

5.7 *Tathniyyat* dalam BM


Sepertimana telah dikemukakan di atas, bahawa bahasa yang dituturkan dilihat dari segi strukturnya memiliki berbagai-bagai persamaan, di samping perbezaan-perbezaannya. Pola *tathniyyat* adalah salah satu kekhususan perkataan BA yang tidak terdapat pada bahasa lain, termasuk BM, kerana proses *tathniyyat* dalam BA adalah melalui proses imbuhan dua huruf ahiran. Proses sedemikian ini dalam BM bukan melahirkan makna *tathniyyat*, tetapi melahirkan bentuk perkataan terbitan. Walaupun demikian kalau diteliti secara detail bahawa kandungan makna tersebut terdapat dalam BM seperti “*kedua-dua*”, hanya bezanya pola tersebut tidak melalui proses imbuhan, tetapi pengulangan, atau meletakan kata sifat selepasnya, seperti *dua orang*, ini juga mengandungi makna *tathniyyat*, tetapi tidak mengikut pola *tathniyyat* seperti yang terdapat dalam BA.

5.8 Aspek Persamaan dan Perbezaan

Sepertimana telah diuraikan di atas, bahawa pola *tathniyyat* adalah merupakan ciri bahasa Semetik. Oleh yang demikian, pola tersebut tidak terdapat dalam BM, kecuali perkataan “*kedua-dua*”. Perkataan tersebut persamaannya dalam BA adalah ﻷَهْمَتْ (kedu-duanya), yang digolongkan

tathniyyat mulhāq dalam BA, kerana ia tidak tergolong ke dalam pola *tathniyyat* ḥaqīqiy dalam BA.

5.9 Jamak

Sepertimana yang telah dibincang di atas bahawa salah satu bentuk perkataan BA ialah jamak (*plural*), iaitu bentuk ketiga daripada perkataan yang berimbahan. Pengertian jamak dari sudut bahasa adalah perkataan yang mengandungi makna banyak, kerana perkataan  (jamak)

mengandungi makna perkumpulan (Lht. Al-Mu'jam al-Wasīt 2000: 135). Oleh yang demikian menurut al-Ghalāyīnīy (Jld. 2 1968: 64) KN jamak adalah perkataan yang mengandungi makna perkumpulan, tetapi tidak terdapat bentuk mufradnya.

5.10 Kata Jamak Dalam BA

Bentuk jamak dalam BA berbeza dengan bentuk jamak dalam BM atau BI. Pengertian jamak dalam BM adalah jika kandunganya melebihi daripada satu, sedangkan dalam BA apabila kandungannya melebihi daripada dua. Perbezaan yang lain ialah berkaitan perkataan seperti: feminin, maskulin, manusia, haiwan, dan benda-bendaan yang juga menentukan jenis jamaknya . Dari sini lahirlah tiga bentuk kata jamak dalam BA, iaitu *jamak mudhakkār sālim*, *jamak mu'annath sālim* dan *jamak taksīr*. Ketiga-tiga bentuk jamak dapat diuraikan seperti di bawah ini:

5.10.1 Jamak *Mudhakkār Sālim*

Bentuk perkataan berimbuhan yang ketiga ialah jamak *mudhakkār sālim* (*the sound male plural*), iaitu kata yang mengandungi makna lebih daripada dua, dengan menambahkan dua huruf, *waw* dan *nūn*, atau *yā'* dan *nūn* pada akhir kata . (Lht. ‘Abbās Ḥasān Jld. 1,t.t. : 127). Pola ini merupakan pola yang paling praktis bagi mengungkapkan makna jamak. Mungkin kepraktisannya hampir serupa dengan konsep jamak dalam bahasa Inggeris, iaitu hanya menambahkan huruf “s” pada akhir kata yang akan dijamakkan.

Berkaitan dengan penambahan huruf pada setiap jamak *mudhakkār sālim* seperti definisi di atas, berhubung rapat dengan *i'rab* dalam BA yang terbahagi kepada dua bahagian, pertama *i'rab* dengan *harakat* dan yang kedua *i'rab* dengan *huruf*. Ibn Mālik (Jld.1, t.t. : 42 - 43) mengatakan:

كَسْرًا كَذِكْرِ اللَّهِ عَبْدُهُ يَسِيرُ يَوْبٌ تَحْوِيْ جَاءَ أَخْرُوْ بَنِي نَمِيرٍ وَاجْرُرْ يَبِأِ مَا مِنَ الْأَسْمَاءِ أَصِيفْ	فَارْفَعْ بِضَمْ وَأَنْصَبْ فَتَحًا وَجُرْ وَاجْزِمْ بِسْكِينْ وَغَيْرْ مَا ذُكِرْ وَارْفَعْ بِوَأِ وَأَنْصَبْ بِالْأَلِفْ
---	--

Maksudnya: Tanda ‘irab rafa’ dengan *ḍammat*, *naṣab* dengan *fathal*, *jar* dengan *kasrat* dan *jazem* dengan *sukun*. Selain ‘irab jenis itu adalah ‘irab *niyābat* (pengganti) seperti ‘irab dengan *huruf waw* sebagai ganti *daripada ḥarakat ḍammat*, contoh : *جَاءَ أَخْرُوْ بَنِي نَمِيرٍ* (*saudara bani Namir telah datang*). Dan merafa ‘kannya dengan *waw*, menaṣabkannya dengan *alif*, dan menjarkannya dengan *yā’* pada *ism-ism* yang lima.

Selanjutnya, beliau mengatakan:

وَارْفَعْ بِوَأِ وَبِأِ اجْرُرْ وَأَنْصَبْ سَالِمَ جَمْعِ عَاْمِرِ وَمَذْنِبِ

Maksudnya: ‘Rafa’kan dengan *huruf waw*, *jarkan* dan *naṣabkan* dengan *huruf yā’* pada *jamak mudhakkār sālim*’ (*Ibid.*, 59).

I’rab dengan huruf ini dikenali sebagai *I’rab niyābat* yang menjadi ciri bagi *I’rab jamak mudhakkār sālim*. Salah satu pendapat mengatakan, bahawa bentuk ‘irab di atas (‘irab dengan huruf) merupakan kecenderungan salah satu *qabilat* Arab dahulu kala dalam penuturnya, seperti yang dikatakan oleh *Şubḥī al-Šāliḥ* (1960: 187):

يَسْبُدُ أَنَّ بَعْضَ الْقَبَائِلِ وَلَا سِيمَا الْبَدْوِيَّةِ مِنْهُ ، كَقَبْيلَةِ ثَمِيمٍ كَائِنَتْ تُؤثِّرُ الصَّيْغَةَ الَّتِي بِالْوَأِوْ مِنْهُ فِي جَمِيعِ الْحَالَاتِ ، وَبَعْضُهَا وَلَا سِيمَا الْحَاضِرِيَّةِ ، كَقَرْيَشِ وَسُكَّانِ الْحَجَازِ كَائِنَتْ تُؤثِّرُ الصَّيْغَةَ الَّتِي بِإِيَّاهُ ، فَائْتَحَدَ النَّحَاحُ مِنَ الصَّيْغَةِ الْأُولَى وَسِيَلَةً لِلتَّعْبِيرِ عَنْ حَالَةِ الرَّفْعِ ، وَمِنَ الثَّانِيَةِ وَسِيَلَةً لِلتَّعْبِيرِ عَنْ حَالَتِي التَّصْبِ وَالْجَرِ .

Maksudnya: Bahawa sebahagian *Qabilat* Arab, terutamanya *Qabilat Badawiy* (daerah perkampungan Arab) seperti *Qabilat Tamim*, mereka menggemarki *ṣīghāt* yang mengandungi huruf waw (و) dalam berbagai-bagai penuturan mereka, sementara *Qabilat* yang lain, seperti *Qabilat al-Hadariyyat* (daerah perkotaan), mereka gemar menuturkan *ṣīghāt* yang mengandungi huruf yā' (ي) seperti *Qabilat Quraiys* penduduk *Hijaz*. Kemudian ahli nahu Arab menjadikan *ṣīghāt* pertama untuk menyatakan keadaan *rafa'*, dan yang kedua untuk menyatakan keadaan *nasab* dan *jar*.

Fenomena yang serupa pula terdapat di kalangan penutur Qabilat Banī al-Ḥārith bin Ka'b , Qabilat Khath'am dan Qabilat Zabid . Mereka menuturkan ism yang lima أسماءً خمسةٍ (ism yang tanda rafa'nya dengan waw, naṣabnya dengan alif dan jarnya dengan yā') dengan alif , dalam semua keadaan i'rab, baik dalam keadaan rafa' , naṣab dan jar, seperti: **هذا** أباه و أخيه و حماه ، و رأيتُ أباه و أخيه و حماه ، و مررتُ باباه و أخيه و حماه (ini bapanya, saudaranya, pak ciknya, saya lihat bapanya, saudaranya, pak ciknya, dan saya melalui bapanya, saudaranya dan pak ciknya). (Lht. Fū'ad Hanā Tarzī, 1969: 193, dan Syarah Ibn 'Āqil Jld. 1, t.t. : 51).

Selanjutnya, perlu dijelaskan bahawa ism yang hendak dijamakkan kepada jamak *mudhakkar sālim* ada dua, iaitu *ism 'alam* dan *ism sifat* (Lht. al-Sabbān, Jld. 1,1968 : 80-81; dan 'Abbās Ḥasan, Jld. 1, t.t: 127-131).

Sepertimana kata tathniyat, tidak semua perkataan dapat dibentuk dengan pola tersebut. Begitu juga perkataan yang dijamakkan kepada *jamak mudhakkar sālim*, terdapat syarat-syarat yang harus diikuti seperti berikut ini:

- 1- kata nama khas (*ism 'ālam*) kata jenis maskulin yang berakal, (*mudhakkar 'āqil*) seperti : مُسْلِمٌ (orang Islam). Jadi, kata رَجْلٌ (kaki) tidak boleh dijamakkan رَجْلُوْنْ (kaki-kaki), kerana perkataan itu bukan *ism 'ālam*, dan kata زَيْنَبٌ (nama seorang wanita), tidak boleh dijamakkan زَيْنَبُوْنْ (beberapa Zainab), kerana bukan *mudhakkar*. Begitu juga kata لَاحِقٌ - لَاحِقُوْنْ (nama kuda), kerana haiwan itu tidak berakal.
- 2- Tidak mengandungi *tā' ta'nūh* tambahan, misalnya طَلَحَةٌ (nama orang lelaki), tidak boleh dijamakkan menjadi طَلَحَتُوْنْ (beberapa Talhah) sekalipun kata tersebut adalah nama bagi seorang lelaki.
- 3- Bukan berupa kata yang *murakkab*, iaitu kata yang bersusun, seperti تَرْكِيبٌ إِسْتَادِيٌّ atau تَرْكِيبٌ مَزْجِيٌّ سَيِّرَيَّةٌ. Tetapi jika berupa boleh ذَرِيٌّ كَذَا untuk keadaan rafa', dan ذَرِيٌّ كَذَا untuk keadaan naṣab dan jar. Adapun تَرْكِيبٌ اِضَافِيٌّ (kata majmuk) boleh dijamakkan

ذَرِيٌّ كَذَا untuk keadaan rafa', dan ذَرِيٌّ كَذَا untuk keadaan

naṣab dan jar. Adapun تَرْكِيبٌ اِضَافِيٌّ (kata majmuk) boleh dijamakkan

mengikut pola jamak mudhakkār sālim, tetapi hanya pada kata yang pertama sahaja misalnya: عَبْدُ الرَّحْمَنِ وَعَبْدِي الرَّحْمَنِ (مضاف) Abd al-Rahmān-‘Abdī al-Rahmān untuk keadaan naṣab dan jar.

4- Tidak berbentuk tathniyat dan jamak (Lht.al-Ghalāyīnī 1968 Jld.2: 18)

Manakala syarat ism *musytāq* apabila dijamakkan kepada jamak *mudhakkār sālim* adalah seperti berikut:

1- Kata tersebut harus merupakan sifat bagi kata *mudhakkār ‘āqil*, maka kata مُرْضِعٌ (wanita yang menyusui), tidak boleh dijamakkan, seperti

مُرْضِعَاتٍ (beberapa wanita yang menyusui), kerana ia bukan merupakan sifat bagi orang lelaki. Begitu juga kalimat فَارِهُنْ (sifat bagi kuda), tidak boleh

dijamakkan: فَارِهُنْ kerana kata tersebut merupakan sifat bagi haiwan yang tidak berakal.

2-Tidak mengandungi *ta' marbiyyat*, maka, kata: عَلَامَةٌ (tanda), tidak boleh dijamakan: عَلَامَاتٌ. (tanda-tanda).

3-Tidak berbentuk wazan أَفْعَلْ yang mu'nnathnya mengikuti wazan فَعْلَاءٌ.

Jadi, kata أَحْمَرٌ (merah), tidak boleh dijamakkan أَحْمَرَاتٌ. Begitu juga kata

yang mengikuti wazan فَنَلَانْ yang mu'annathnya mengikut wazan فَنَلِى،

seperti سُكْرَانْ (mabuk), tidak boleh dijamakkan سُكْرَانْ.

4-Tidak berbentuk pola yang sama di antara maskulin dan femininnya

(*mudhakkar* dan *mu'annathnya*), seperti kata حَرِيْحٌ وَصَبُّورٌ (orang yang cedar

dan orang yang sabar). Perkataan itu tidak boleh dijamakkan: حَرِيْخُونْ

وَصَبُّورُونْ (Lht,'Abbās Ḥasān, Jld. 1, t.t. : 127-130.)

Semua contoh-contoh di atas menunjukkan bahawa suatu ism yang hendak dijamakkan kepada jamak *mudhakkar sālim* harus ditambah huruf *waw* dan *nūn* atau *yā'* dan *nūn*. Kerana ism dalam BA ada yang dikenali sebagai ism *sahīh*, iaitu huruf akhirnya bukan berupa *alif*, *waw* dan *yā'*, dan ada juga ism *mu'tal*, iaitu huruf akhirnya berupa *alif*, *waw* dan *yā'*, maka cara-cara penambahan huruf *waw* dan *nūn* atau *yā'* dan *nūn* pada perkataan jamak *mudhakkar sālim* harus mengikut ketentuan-ketentuan seperti berikut:

1- Apabila berupa ism *sahīh*, maka ditambah *waw* dan *nūn* atau *yā'* dan *nūn*

pada akhir kata, seperti مُسْلِمُونْ - مُسْلِمٌ (orang-orang muslim).

2-Apabila kata berupa ism bukan *sahīh* atau *mu'tal*, ada tiga ketentuan yang harus diikuti:

a. ism *mangūṣ*, seperti: قاضٍ - داعي (seorang Qadi dan seorang penyeru).

Sebelum menambahkan huruf *waw* dan *nūn*, atau *yā'* dan *nūn*, *yā'* yang terdapat pada ism tersebut harus digugurkan terlebih dahulu, kemudian

baharulah dibentuk pola jamak, menjadi: قاضُونَ وَدَاعِونَ، أَوْ قاضِينَ وَدَاعِينَ

(beberapa orang Qadi dan orang menyeru), untuk keadaan *rāfa'*, *naṣab* dan *jar*. Asal perkataan tersebut: قاضيونَ وَدَاعِيونَ.

b. ism *maqsūr* (Lht:142), sebelum menambahkan huruf *waw* dan *nūn*, atau *yā'* dan *nūn*, huruf *alifnya* harus digugurkan terlebih dahulu, dan dikekalkan harakat *fathat* sebagai tanda huruf *alif* yang dibuang, seperti firman Allah:

﴿ وَأَنْتُمُ الْأَعْلَمُ ﴾

Maksudnya: Dan kamu sekalian yang tertinggi darjatnya (Surah al-'Imrān 139).

Asal perkataan itu adalah الْأَعْلَى.

c- ism *mamduḍ*, ketentuanya sama dengan ism tathniyat (Lht. hal: 143).

Misalnya وضاءٌ - وضاءُونَ (cahaya). Sekiranya hamzat tersebut sebagai tanda

ta'nīth, seperti حمراءٌ (nama seorang lelaki), maka ia harus diganti dengan

huruf waw, jamaknya حمراءُونَ. (Lht, Syadha āl-'Arf, 1957 : 99.)

Memandangkan ketentuan-ketentuan di atas, maka kata-kata عَالَمُونَ (alam-alam), أَهْلُونَ (pemilik-pemilik), أَوْلَوْنَ (ahli-ahli), عَزِّوْنَ (yang mulia-mulia), بَنْوَنَ (anak-anak), سُنْوَنَ (tahun-tahun) dan أَرْضُوْنَ (bumi-bumi), bukan

merupakan jamak *mudhakkar sālim* yang asli, tetapi merupakan jamak *mudhakkar sālim mulhaq* (tiruan), kerana ia tidak memenuhi ketentuan-ketentuan yang telah disebutkan di atas.

5.10.2 Jamak *Mua'nnath Sālim*

Bentuk perkataan berimbuhan yang ketiga ialah *jamak mu'annath sālim* (*the sound female plural*). Kandungan maknanya sama dengan jamak *mudhakkar sālim*, iaitu mengandungi makna yang lebih dari dua, hanya bezanya huruf-huruf tambahan yang digunakan pada jamak *mudhakkar sālim* adalah *waw da nūn*, atau *yā'* dan *nūn*, sedangkan jamak *mu'annath sālim* adalah *alif* dan *ta'*, dan jamak *mu'annath sālim* adalah jamak bagi kata *mu'annath* (feminin). al-Ghalāyīn (1968 Jld.2 : 21) medefinisikan:

مَا جُمِعَ بِالْفِ وَتَاءِ زَانِدَتْ مِثْلُ هِنَّاتِ وَمُرْضِعَاتِ وَفَاضِلَاتِ.

Maksudnya: Jamak *mu'annath sālim* adalah kata yang dijamakkan dengan *alif* dan *ta'*, seperti هِنَّاتِ (Hindun-Hindun) فَاضِلَاتِ (wanita-wanita yang menyusui) وَمُرْضِعَاتِ (wanita-wanita yang utama).

Sepertimana yang telah diuraikan pada bab jamak *mudhakkarsālim*, iaitu tidak semua kata dapat dijamakkan menjadi bentuk jamak tersebut. Begitu juga halnya dengan jamak *mu'annath sālim*, terdapat syarat-syarat tertentu yang harus dipenuhi seperti di bawah ini:

1- Kata yang akan dijamakkan harus berupa kata *mu'annath*, baik secara *lafzīy* mahupun *ma'nawīy*. Contoh *mu'annath ma'nawī*, seperti هندٌ هنّاتٌ، وَزَيْبُ زَيْبَاتٌ (beberapa wanita yang namanya Zainab dan Hindun). Bagi

mu'annath lafzīy pula seperti : عطية (ama seorang lelaki) bentuk jamaknya

mengikut jamak *mu'annath sālim* عطيات (orang-orang lelaki yang namanya

'Atiyyāt).

2- Digolongkan ke dalam jamak *mu'annath sālim*, adalah kata jamak *taksīr* yang tidak banyak dituturkan oleh orang Arab, seperti سرّدقات و حمامات (bilik-bilik mandi dan istana-istana); . Begitu juga sebahagian bentuk kata yang di *taṣghīrkan* (bentuk perkataan yang mengandungi makna penghinaan / kecil), seperti نَمِيرَاتٌ - تَهْرُّ - حُبَيلَاتٍ - حُبْلَى (wanita-wanita kecil yang mengandung dan sungai-sungai kecil). (Lht. Al-Ghalāyīnīy 1968 Jld.2: 21-26).

Ringkasnya, kata feminin (*mu'annath*) yang hendak dijamakkan kepada jamak *mu'annath sālim* dengan cara menambahkan *huruf alif* dan

tā''. Walaupun demikian penambahan tersebut tidak boleh secara sembarangan, tetapi harus mengikuti ketentuan-ketentuan di bawah ini:

1- Apabila berupa kata *mu'annath ḥaqīqīy* yang huruf akhirnya *sahīh*, seperti هند و زینب (nama orang wanita), maka diletak huruf *alif dan tā'*

pada akhir kata tersebut. Jadi, dua perkataan di atas menjadi هندات و زینبات pada akhir kata tersebut.

(beberapa wanita yang namanya Zainab dan Hindun), iaitu ت + هند + ا + زینب = هندات.

2- Apabila ia berupa kata *mu'annath ḥaqīqī* yang huruf akhirnya *mu'tal*, ketentuan-ketentuannya seperti berikut:

a. اسم المقصورة (*ism al-maqṣūr*) (Lht.:143), caranya sama dengan ketika

ditathniyakan, seperti kata: مَسْتَى (Matā), wanita yang mengandung)

فتیات و مُحِبَّلَات و مُصْطَفَیَات (Muṣṭafā), dan فَتَیٰ (pemuda). Maka bentuk jamaknya ialah فَتَیَات

و مُحِبَّلَات و مُصْطَفَیَات و مَسْتَات.

b. اسم الممتد (*ism al-mamdu'd*) (Lht.144), caranya sama ketika

ditathniyakan, seperti: صَحْرَاء - صَحْرَاءَات (padang pasir-padang pasir) قَرَاء - قَرَاءَات

كَسَاء - كَسَاءَات أو كَسَارَات (qari-qari wanita) فَرَاء - فَرَاءَات (pakaian-pakaian).

c. اسْمُ الْمَنْقُوشِ (*ism al-manqūṣ*) (Lht.143), caranya sama ketika

dintathniyatkan, seperti kata قاضٍ (kadi). Maka bentuk jamaknya قاضيَاتْ (beberapa kadi).

3. Apabila kata tersebut mengandungi *tā' marbūṭat*, seperti فاطمَةٌ atau *tā'*

itu sebagai ganti daripada huruf asalnya, seperti بنتٌ وأختٌ (saudara

perempuan dan anak perempuan), maka terlebih dahulu huruf itu perlu

digantikan, lalu menjadi بناتٌ (anak-anak perempuan), إخْرَاتٌ (saudara-

saudara perempuan) dan نَاطِماتٌ (beberapa Fatimat).

Menurut al-Ghalāyīnī (1968 Jld.2:27) apabila kata yang dijamakkan itu terdiri daripada tiga huruf, dan 'ayn fi 'lnya bukan berupa *huruf mu'tal*, iaitu *alif waw dan yā'*, maka harus mengikut kaedah berikut:

a- Apabila huruf pertama dibaca *fathat*, maka *harakaṭ 'aynnya* harus mengikut huruf pertama, seperti kata ظَرْفٌ - ظَرَفَاتٌ (tempat-tempat), - بَذْرٌ - بَذَرَاتٌ (cahaya-cahaya).

b- Apabila huruf pertama dibaca *ḍammat* atau *kasrat*, maka huruf akhirnya boleh dibaca *fathat*, sukun, atau mengikut *harakaṭ* huruf pertama, seperti kata لَطْفٌ وَحُسْنٌ وَزَهْرَةٌ (nama bagi orang wanita). Maka bentuk jamaknya

لَطَافَاتٌ (lembut-lembut), حَسَنَاتٌ (baik-baik), dan زَهْرَاتٌ (bunga-bunga).

5.10.3 Jamak *Taksīr*

Bentuk perkataan berimbuhan yang kelima ialah jamak *taksīr* (جُمْعُ التَّكْسِيرِ) (*broken plural*).

Pengertianya sama dengan kata jamak sebelumnya, iaitu suatu kata yang mengandungi makna lebih daripada dua. Akan tetapi bentuk jamak ini melalui proses perubahan dari asal binaan mufradnya (bentuk tunggal), walaupun perubahan tersebut tetap tidak lari daripada kata akarnya. al-Ghalāyīnī (1968 Jld.2: 27) mendefinisikannya:

هُوَ مَا ظَابَ عَنْ أَكْثَرِ مِنْ اُتْتَيْنِ وَتَغْيِيرٌ بِنَاءً مُفْرِدٍ عِنْدَ الْجَمْعِ، مِثْلُ
"كُتُبٌ" وَ "عُلَمَاءٌ".

Maksudnya: Jamak *taksīr* ialah suatu kata yang mengandungi makna lebih dari dua, dan berlaku suatu perubahan daripada bentuk mufradnya ketika dijamakkkan, seperti kata *kutub* dan '*ulamā'* (*kitab-kitab* dan *'ulamā'*).

Jika dilihat dari segi kandungan maknanya, jamak tersebut dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu jamak *qillat* dan jamak *kathrat*. Ketentuan ini seperti yang dikatakan oleh Kamāl Bisyr (1980: 32) dengan katanya yang bermaksud:

Bentuk jamak *taksīr* dilihat dari segi maknanya terbahagi kepada dua bahagian, pertama jamak yang mengandungi makna sedikit, yang dikenali sebagai jamak *qillat*, iaitu bentuk jamak yang kandungan bilangannya daripada tiga hingga sepuluh, dan yang kedua jamak yang mengandungi makna lebih banyak, yang dikenali sebagai jamak *al-kathrat*, iaitu daripada bilangan sepuluh hingga seterusnya.

Kata yang boleh dijadikan kepada jamak *taksīr* adalah am, sama ada dari jenis manusia, haiwan ataupun benda-bendaan, maskulin (*mudhakkār*) ataupun feminin (*mu'annath*). Walaupun demikian, setiap jamak *taksīr* tersebut mempunyai wazan-wazan tersendiri. Bagi *jamak qillat* wazanya ialah: أَفْعَلَةُ، أَفْعَلُ، فِعْلَةُ، أَفْعَالٌ. Keempat-empat wazan itu seperti yang dikatakan oleh Ibn Mālik (Jld. 2, t.t.: 453):

أَفْعَلَةُ أَفْعَلُ ثُمَّ فِعْلَةُ
ثُمَّتْ أَفْعَالُ جُمُونُغُ قِلَّةٌ

Maksudnya: 'Wazan-wazan jamak taksīr yang mengandungi makna qillat ada empat, pertama af'ilat, kedua af'ul, ketiga fi 'lat dan keempat af 'al.'

Denganuraian ringkas di atas, jelaslah bahawa betapa banyak wazan atau pola jamak *taksīr* ini banyak, sehingga menyukarkan orang yang mempelajarinya, tambahan lagi setiap wazan tidak mengandungi makna bilangan tertentu, dan tidak dapat digantikan dengan wazan yang lain. Walaupun setiap wazan tidak mengandungi makna bilangan tertentu, namun tidak terdapat perbezaan dari segi makna daripada dua bentuk jamak *taksīr* pada dua ayat yang berlainan : شَيْوُخُ عَقَلَاءُ وَأَشْيَاخُ عَقَلَاءٍ (syaikh-syaikh yang memiliki akal fikiran). Oleh yang demikian Ṣubḥī al-Ṣāliḥ (1979 : 336), dalam bukunya *Dirāsāt fi-Fiqh al-Lughāt*, mengatakan yang bermaksud:

Wazan-wazan jamak taksīr yang dikatakan oleh pakar-pakar morfologi dalam banyak buku, hanyalah untuk memperkayakan khazanah kata dalam BA, kerana mereka tidak membezakan

antara satu wazan dengan yang lainya dari segi bilangan maknanya.

Di samping pendapat di atas, ada sebahagian linguis yang mengatakan, bahawa kepelbaaan bentuk pola jamak *taksīr* itu, adalah kerana pakar-pakar linguis Arab pada saat itu belum menentukan pola tertentu secara muktamad, di samping berbagai-bagai dialek penutur bahasa yang berbeza yang tersebar di seluruh kawasan semenanjung Arab. Kenyataan sedemikian ini selari dengan pendapat Kamāl Bisyr (1987 : 257) yang berikut :


وَرَبِّمَا دَلَّتْ كَثْرَةُ الْجُمُوعِ فِي الْعَرَبِيَّةِ عَلَى اخْتِلَافِ اللَّهُجَاتِ ،
وَلَا سِيمَّا جُمُوعُ التَّكْسِيرِ، وَيَعْنِي هَذَا أَنَّا نَجْمِعُ وَاحِدَةً عَلَى عِدَّةِ صِيَغٍ
مِنْ صِيَغِ الْجَمْعِ، فَالشَّيْخُ يُجْمِعُ عَلَى شَيْخَةٍ وَيَجْمِعُ عَلَى شَيْوُخٍ،
بِضَمِّ الشَّيْنِ وَعَلَى شَيْوُخٍ بِكَسْرِ الشَّيْنِ، وَعَلَى أَشْيَاخٍ وَمِثْلُ
هَذَا كَثِيرٌ فِي الْلُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ، وَهُوَ دَلِيلٌ عَلَى أَنَّ الْجَمْعَ لَمْ يَسْتَقِرْ عَلَى
حَالٍ، وَإِنَّهُ يُشَيرُ إِلَى الْمُرْخَلَةِ الَّتِي كَانَتْ فِيهَا الْلُّغَةُ غَيْرَ مُسْتَقِرَّةٌ عَلَى
صِيَغٍ ثَابِتَةٍ، مِنْ أَبْجَلِ هَذَا حَدَّثَتْ هَذِهِ الْكَثْرَةُ فِي الصِّيَغِ، وَسَبَبَتْ هَذِهِ
الْكَثْرَةِ رَاجِعٌ إِلَى اخْتِلَافِ الْأَقْوَامِ وَالْخِلَافِ اللَّهُجَاتِ .

Maksudnya: Mungkin terdapat kepelbaaan jenis jamak dalam BA, kerana perbezaan lajhāt (dialek), terutamanya sekali bentuk jamak *taksīr*. Kami dapati pelbagai bentuk jamak *taksīr* dalam satu kata, seperti kata: شَيْخ (orang tua), dapat dijamakkan menjadi أَشْيَاخْ dan شَيْوُخْ شَيْرَشْ شَبِيْحَةٌ Fenomena seperti ini banyak berlaku dalam BA, disebabkan bentuk jamak pada saat itu belum ada ketetapan yang pasti, sehingga menimbulkan kepelbaaan sīghat/bentuk, di samping perbezaan kaum dan lajhāt (dialek).

Kenyataan ini disokong oleh 'Abd. Ghaniyy 'Abd al-'Azīm Ahmad (1990 : 7)

إِنَّ الشَّوَاهِدَ وَالآثَارَ الْوَارِدَةَ تُؤَيِّدُ أَنَّ تَعْدُدَ جَمْعِ التَّكْسِيرِ يَرْجِعُ إِلَى
اِخْتِلَافِ اللَّهُجَاتِ فِي الْقَدِيمِ.

Maksudnya: 'Sesungguhnya bukti-bukti dan peninggalan yang ada menunjukkan, bahawa kepelbagaiannya kesan-kesan *sighat/bentuk jamak taksir* itu disebabkan oleh perbezaan *lahjāt* (dialek) pada zaman silam.'



11-Rajah 5.2 Pembahagian Kata Jamak BA

5.11 Jamak Dalam BM

Bahasa Melayu sepetimana bahasa-bahasa lainnya terdapat perkataan yang menunjukkan bilangan, seperti mufrad dan jamak. Kata "orang" dalam ayat: "Orang suka roti" kadang-kadang menunjukkan makna tunggal, dan kadang-kadang pula menunjukkan makna jamak. Yang menentukan makna sebenarnya adalah konteks ayat itu sendiri (Lht. Anton Mulyono, 1988 : 201). Jadi, ayat tersebut mungkin menunjukkan makna tunggal : *Orang itu suka roti*, dan mungkin juga menunjukkan makna jamak, jika perkataan "orang" diulang sehingga menjadi "*orang-orang*" itu suka roti.

Sekalipun dalam BM tidak terdapat ciri-ciri kata yang menunjukkan tathniyat (*dual*) atau jamak (*plural*), namun dalam BM yang terdapat pola-

pola yang menunjukkan makna tersebut. Pola-pola ini dalam BM terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *tunggal* dan *jamak*. Perkataan yang menunjukkan makna tunggal, apabila disertai perkataan-perkataan seperti : esa, se, satu, suatu (Verhari: 46). Dalam BM, perkataan yang menunjukkan tathniyat (dual) jika diletakkan penjodoh bilangan sebelumnya, seperti: *dua rumah*, *dua kenderaan* dan lain-lain. Begitu juga ia menunjukkan makna jamak jika perkataan itu dilakukan pengulangan atau penggandaan. Asmah Hj. Omar (1982: 202) mengatakan:

Gandaan adalah kata yang dihasilkan oleh penggandaan-penggandaan, didefinisikan sebagai proses mengulangi sesuatu perkataan, seluruhnya atau pada bahagian-bahagian tertentu. Dalam penggandaan pada bahagian-bahagian tertentu, maka pengulangan berlaku pada unsur kata yang berkenaan, dan unsur ini boleh merupakan suku kata (satu atau lebih) atau rentetan bunyi-bunyi (vokal dan/atau konsonan) yang tidak bertaraf suku kata.

Anton M. Mulyono (1988:201) mengatakan, apabila perkataan itu dari jenis nama manusia atau benda-bendaan,maka terdapat dua cara untuk menggandakannya, pertama, dengan mengulang-ulang seperti batu, *batu-batuan*, dan yang kedua dengan menambahkan kata **beberapa** untuk semua jenis perkataan, dan dengan **kaum** untuk jenis manusia sahaja. Contoh:

meja : beberapa meja

murid : beberapa murid

muslim : kaum muslimin

Selanjutnya, pola penggandaan dalam BM ada berbagai-bagai jenis.

Jenis-jenis tersebut ditentukan menurut:

(i)- Unsur yang mengalami penggandaan dalam sesuatu kata, dan

(ii)- Struktur kata yang merupakan hasil penggandaan.

Dalam BM terdapat tiga jenis penggandaan yang melibatkan kata dasar nama, iaitu: penggandaan penuh, pengandaan separa, dan penggandaan berentak, (Lht. Asmah 1993: 222-228) dalam bukunya *Nahu Melayu Mutakhir*. Lihat penjelasan di bawah ini:

Penggandaan Penuh (full reduplication)

Kata dasar yang digandakan jenis ini terdiri daripada semua bentuk, seperti kata nama tunggal, kata nama terbitan, dan kata nama majmuk, contoh:

a-Penggandaan kata nama tunggal tanpa imbuhan:

<u>Kata nama:</u>	<u>Contoh</u>
<i>budak</i>	<i>budak-budak</i>
<i>buku</i>	<i>buku-buku</i>
<i>sekolah</i>	<i>sekolah-sekolah</i>
<i>kereta</i>	<i>kereta-kereta</i>

<u>Kata sifat:</u>	<u>Contoh:</u>
<i>baik</i>	<i>baik-baik,</i>
<i>cantik</i>	<i>cantik-cantik,</i>
<i>pandai</i>	<i>pandai-pandai,</i>
<i>panjang</i>	<i>panjang-panjang,</i>
<i>pendek</i>	<i>pendek-pendek...</i>

<u>Adverba:</u>	<u>Contoh:</u>
<i>dulu</i>	<i>dulu-dulu,</i>
<i>dekat</i>	<i>dekat-dekat,</i>

hampir *hampir-hampir.*

b-Penggandaan kata nama tunggal yang berimbuhan, contoh:

pemimpin-pemimpin

persatuan-persatuan

pelatih-pelatih

kehendak-kehendak

Penggandaan separa

Penggandaan separa ialah bentuk penggandaan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar boleh merupakan kata tunggal atau kata terbitan. Penggandaan separa boleh berlaku di awal atau di akhir kata dasar. Penggandaan separa yang berlaku pada kata dasar dan tunggal lazimnya melibatkan pengulangan suku kata pertamanya, dan diletakkan gandaanya di bahagian awal kata dasar. (Asmah.Ibid).

Contoh:

Laki	lalaki	lelaki
Jari	jajari	jejari
Siku	sisiku	sesiku
Rambut	rarambut	rerambut
Langit	lalangit	lelangit

Penggandaan separa yang berlaku pada kata dasar yang berimbuhan hanya menggandakan kata dasar utama dan tidak melibatkan imbuhan sekali. Penggandaan separa seperti ini berlaku terhadap golongan kata kerja

dan kata adjektif. Bentuk-bentuk gandaan ini boleh terletak di akhir kata dasar atau di bahagian awal kata dasar untuk jenis kata kerja tertentu.

Penggandaan berentak

Penggandaan berentak ialah proses menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar itu. Dalam penggandaan berentak, seluruh kata dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang atau diubah.

Berdasarkan perubahan dan pengulangan bunyi-bunyi tersebut, maka penggandaan berentak boleh dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu: penggandaan berentak pengulangan vokal, penggandaan berentak pengulangan konsonan, dan penggandaan berentak bebas.

Penggandaan berentak pengulangan vokal, ialah penggandaan yang mempunyai ciri-ciri persamaan pada bunyi-bunyi vokal tertentu, iaitu terdapat ciri keharmonian vokal. Contoh:

<i>Sayur-mayur</i>	<i>cerai-berai</i>
<i>Kuih-muih</i>	<i>tungkus-lumus</i>
<i>Lauk-pauk</i>	<i>hinggar binggar</i>
<i>Gotong royong</i>	<i>hiruk-pikuk</i>

Penggandaan berentak pengulangan konsonan pula ialah penggandaan yang mempunyai ciri-ciri persamaan pada bunyi-bunyi konsonan tertentu. Contohnya:

Gunung-ganang *simpang siur*

Mondar-mandir *bolak-balik*

Kayu-kayan *batu-batan*


Penggandaan berentak bebas ialah penggandaan yang tidak mengandungi ciri-ciri persamaan pada bunyi vokal atau konsonan. Contoh:

Anak-pinak


Saudara-mara

Lintang-pukan

Titik-bengik. Untuk lebih jelas lihat jenis-jenis penggandaan pada gambar rajah di bawah ini.



12-Gambar rajah 5.3 Cara Penggandaan BM



13-Gambar rajah 5.4 Jenis Penggandaan BM

15.12 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Dalam BA perkataan dilihat dari segi bilangannya terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu mufrad, tathniyyat dan jamak, sedangkan pada BM perkataan hanya terbahagi kepada dua bahagian iaitu mufrad dan jamak.

2-Pada kedua-dua bahasa (BA dan BM) mengenali bentuk jamak, hanya bezanya jamak pada BA terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu jamak *mudhakkār sālim*, jamak *mu'annāh sālim* dan *jamak taksīr*.

3-Pembentukkan jamak pada BA dengan membubuhkan dua huruf di akhir perkataan untuk dua jenis jamak, iaitu *jamak mudhakkār sālim* dan *mu'annāh sālim*, dan melalui proses perubahan untuk jamak *taksīr*. Pembentukan jamak sedemikian ini tidak terdapat pada BM, kerana pola jamak pada BM dengan mengulang-ulang atau menggandaka

4-Kepelbagaiannya bentuk jamak pada BA, kerana mengacu kepada kelamin kata dan jenis perkataan yang hendak dijamakkan, yakni, manusia, haiwan atau benda-bendaan. Jenis jamak sedemikian ini tidak terdapat pada BM, kerana pola jamak pada BM dengan penggandaan, sama ada dari jenis manusia, haewan dan benda-bendaan. Ertinya, tanda jamak pada BM ialah mengulang atau menggandakan dengan berbagai-bagai jenis penggandaannya, walaupun perkataan itu berupa kata kerja, dan lain sebagainya, manakala jamak pada BA hanyalah berupa KN.

15.13 KN Mimitan (*Taṣghīr*)

Taṣghīr adalah ṣīghat maṣdar dari perkataan *saghara* (صغر) yang maknanya mengecilkan, sebaliknya perkataan *kabīr* yang mengandungi makna besar. Demikian itu seperti yang dikatakan oleh Ibn Manzūr (1990 Jld 4 : 458). Namun yang dimaksudkan mimitan (*taṣghīr*) dalam kajian ini adalah perkataan-perkataan yang mengikut kepada pola-pola tertentu, seperti yang akan diuraikan di bawah ini.

15.14 KN Mimitan (*Taṣghīr*) dalam BA

Bentuk perkataan berimbuhan yang keenam ialah bentuk *taṣghīr*. Dalam BA, *taṣghīr* dapat dertiakan suatu perkataan yang mengandungi makna kecil, iaitu menambahkan huruf *yā'* pada suatu kata sebelum *lam fi'l* (sebelum huruf akhir). Penambahan tersebut membawa perubahan bentuk kata (wazan) dan maknanya (Lht. Ibn Hisyām 1984 Jld 3.: 189).

Wazan-wazan taṣghīr yang harus diikuti adalah:

1- **فَعْلٌ** (*fu'ayl*) , untuk kata nama yang terdiri daripada tiga huruf

(الْأَسْمَاءُ الْثَّالِثَةُ).

2- **فَعْيٌ** (*fu'ay'i*) , untuk kata nama yang terdiri daripada empat

huruf (الْأَسْمَاءُ الرُّبَاعِيَّةُ).

r- فَعِيلٌ (fū'ay 'īl) , untuk kata nama yang terdiri lima huruf (اَلْسِمَاءُ)

(الْحَمَاسِيَّةُ), yang huruf keempatnya berupa huruf mād (vokal) sebagai tambahan. (Lht. Al-Ghalāyīniy 1968 Jld.2: 86).

Perlu ditambahkan di sini bahawa wazan-wazan taṣghīr seperti disebutkan di atas menurut 'Abbas Hasan (tt. Jld.4: 512) mengandung pelbagai tujuan, iaitu:

1-untuk menyedikitkan bilangan, atau menganggap kecil suatu benda, seperti درهمٌ (mata wang dirham kecil, berasal daripada kata

كُلْبٌ (anjing kecil), berasal daripada kata درمٌ

(anjing).

2- untuk merendahkan kedudukan seorang, seperti رُجَيلٌ (orang

lelaki kecil), berasal dari kata رَجُلٌ (seorang lelaki) dan بَطْلٌ (peraih

kejohanan yang kecil) berasal dari kata بَطْلٌ.

3- untuk mendekatkan sesuatu, baik berupa tempat mahupun masa,

seperti: بَعْدَ الْمَسْجِدِ (tidak jauh sedikit selepas masjid), dan قَبْلَ

الْعَصْرِ (sebelum sedikit waktu asar).

4- untuk menunjukkan rasa kasih sayang terhadap seseorang, seperti

يَا بْنَتِي

(wahai anak perempuanku yang kecil), يَا بْنَيْ (wahai anak lelakiku yang kecil).

5- untuk menunjukkan perasaan susah dan sedih, seperti :

يَا بَائِسَ (wahai orang miskin kecil yang menderita). Lht. al-

Ghalāyīn (Jld. 2, 1968 : 85).

Memandangkan tujuan-tujuan yang terkandung dalam pola-pola taṣghīr di atas, maka kata nama pelaku, (*ism fā'il*), kata nama objek (*ism maf'ūl*), kata yang serupa dengan *ism fā'il* (*sifat al-musyābiha*), perkataan tersebut tidak dapat ditaṣghīrkan, kerana taṣghīr itu mengandungi makna sifat. Apabila kata-kata tersebut ditaṣghīrkan, maka ia boleh membatalkan fungsi sifat tersebut. al-Rādiy (1982 Jld. 1: 291), dalam bukunya *Syarh al-Kāfiyat*, mengatakan:

لَأَنَّ الْاسْمَ إِذَا صُغِرَ صَارَ مَوْصُوفًا بِالصِّغَرِ . . . وَالْأَسْمَاءُ الْعَامِلَةُ عَمِلَ الْفِعْلِ إِذَا وُصِفتُ الْعَزَلَةُ عَنِ الْعَمَلِ ، فَلَا تَقُولُ: زَيْدٌ ضَارِبٌ عَظِيمٌ عَمْرًا . . . وَذَلِكَ لِبَعْدِهَا إِذْنٌ عَنْ مُشَابَهَةِ الْفِعْلِ.

Maksudnya: Kerana kata itu apabila ditaṣghīrkan, bererti mengandungi makna kecil, sedangkan kata nama yang berfungsi sebagaimana fi'lnya apabila disifatkan, maka akan menjadi tidak berfungsi sepertimana sebelumnya. Oleh yang demikian, ayat berikut ini salah (Zaid

seorang pemukul yang kuat kepada Umar)..kerana yang demikian itu menghilangkan ciri penyerupaannya terhadap fi 'Inya.

Seperti yang telah dikemukakan dahulu bahawa perkataan dalam BA ada yang *mu'tal* dan ada yang *sahih*, dan kadang-kadang ada yang tidak menzahirkan hurufnya, maka pola taṣghīrnya secara tidak langsung, dilakukan dengan menngembalikan kata asal yang ditaṣghirkan, seperti yang dikatakan oleh al-Mubarrad (Jld.2, t.t. : 280):

الْتَّصْغِيرُ يَرُدُّ الْأَشْيَاءِ إِلَى أَصْلِهَا.

Maksudnya: 'Taṣghīr, mengembalikan perkataan pada asalnya.

Kata-kata مِيزَانٌ - مِيعَادٌ - مِيقَاتٌ (waktu, janji dan timbangan) jika

ditaṣghirkan menjadi مُوَيْزِينٌ وَمُوَيْعِيدٌ، وَمُوَيْقِتٌ (sedikit waktu, sedikit / sebentar janji, timbangan kecil). Huruf *waw* sebelum perkataan itu ditaṣghirkan tidak zahir, tetapi setelah ditaṣghirkan baharulah huruf tersebut zahir (nampak). Pendapat yang sama juga dikatakan oleh Sibawaih dalam bukunya *al-Kitāb* (1983 Jld.3: 458):

وَإِنَّمَا أَبْدَلُوا أَلْيَاءَ لَا سِتْقَانَ لَهُمْ هَذِهِ الْأَلْيَاءُ بَعْدَ الْكَسْرَةِ، فَلَمَّا ذَهَبَ مَا يَسْتَقْلُونَ رُدَّ الْحَرْفُ إِلَى أَصْلِهِ.

Maksudnya: Sesungguhnya mereka (ahli morfologi) menggantikan huruf *yā'* sebagai ganti dari huruf *waw*, kerana mereka merasa berat menyebutkan huruf tersebut setelah *harakaṭ kasrat*. Tetapi jika huruf yang dianggap berat itu hilang, maka huruf itu dikembalikan pada asalnya.

Berdasarkan ketentuan di atas, jelaslah bahawa dalam pola *pentaşghiran* ini harus ada kesesuaian antara *huruf* dan *harakat*. Ketentuan ini diperkuat oleh pakar tajwid, iaitu apabila *huruf mād* (vokal) berupa *waw*, maka *harakat* sebelumnya harus *qammat*; apabila huruf *mād* (vokal) berupa *alif*, maka *harakat* sebelumnya harus *fathat*; dan apabila huruf *mād* berupa *yā'* maka *harakat* sebelumnya harus *kasrat*. Ahmad Soenarto berkata di dalam bukunya *IlmTajwid* (1988 : 40):

وَأَخْرُفُ الْمَدَ ثَلَاثٌ تُوْصَفُ الْوَاوُ ثُمَّ الْيَاءُ ثُمَّ الْأَلِفُ
وَشَرْطُهَا إِسْكَانُ وَأَوْ بَعْدَ ضَمْ وَسَكْنُ يَاءَ بَعْدَ كَسْرٍ مُلْتَزِمٍ
وَأَلِفٌ مِنْ بَعْدِ فَتْحٍ وَقَفَا وَلَفْظُ تُوْجِيهَا لِكُلِّ جَمِيعِ

Maksudnya: Huruf mād, terdiri dari pada tiga huruf, iaitu alif ,waw dan yā' syaratnya, apabila huruf mad berupa waw maka harakat sebelumnya harus qammat, dan apabila huruf mad berupa yā' maka harakat sebelumnya harus kasrat, dan apabila huruf mad berupa alif , maka harakat sebelumnya harus fathat..

5.14.1 Cara-Cara Pentaşghiran

Sepertimana pada kata tathniyat dan jamak, menurut al-Ghalāyīnī (1968 Jld.2: 85) ism yang hendak ditaşghirkan juga ada cara-caranya yang perlu diikuti, iaitu seperti berikut:

- 1- kata nama yang ditaşghirkan haruslah berupa ism mu'rab; sebaliknya, ism-ism mabnīy, seperti kata ganti nama, ism mubhām dan ism isyārat (kata tunjuk) tidak boleh ditaşghirkan.

2- bukan terdiri daripada kata nama yang sudah berbentuk taṣghīr, seperti كُمَيْتُ وَدَرِيدٌ وَمَهِيمُنْ (nama bagi orang lelaki).

3- Kata nama yang boleh dibentuk menjadi pola taṣghīr.

Oleh yang demikian, lafaz al-Jalālat, seperti nama Allāh (الله), nama para Nabi, dan nama para Malāikat tidak boleh ditaṣghīrkan, kerana taṣghīr itu mengandungi makna hina dan rendah, sedangkan nama Allāh memiliki makna ketuhanan, yang sentiasa memiliki makna luhur dan agung. Begitu juga halnya nama para Nabi dan Malāikat, mereka memiliki kedudukan yang terhormat disisi Allāh (s.w.t). Termasuk kata-kata yang tidak boleh ditaṣghīrkan ialah kata: كُلُّ (semuanya), بَعْضٌ (sebahagianya), أَسْبُوعٌ (seminggu), dan nama-nama bulan. Beliau mengatakan:

وَلَا يُصَغِّرُ مَا لَيْسَ قَابِلًا لِلتَّصْغِيرِ، لِكَبِيرٍ وَعَظِيمٍ وَجَسِيمٍ، وَلَا الْأَسْمَاءُ
الْمُعَظَّمَةُ، لِمَا يَبْيَهَا وَبَيْنَ تَصْغِيرِهَا مِنَ التَّنَافِيِّ.

Maksudnya: Tidak dapat ditaṣghīrkan kata-kata yang tidak layak dibuat pola taṣghīr, seperti perkataan yang mengandungi makna besar, dan agung. Jika perkataan tersebut dibentuk pola taṣghīr, maka akan terjadi pertentangan di antara tujuan taṣghīr dan kedudukan perkataan tersebut. (Ibid.).

5.14.2 Wazan Taṣghīr

Seperti yang telah diuraikan di atas, bahawa wazan (pola) taṣghīr itu ada

tiga jenis, iaitu فَعِيلُ - وَفَعِيْلُ وَفَعَيْلُ. Wazan-wazan tersebut merupakan

acuan bentuk taṣghīr bagi kata-kata seperti berikut :

1- Apabila kata nama yang akan ditaṣghirkān berupa perkataan yang terdiri daripada tiga huruf, (*thulāthīy*), maka cara mentaṣghirkānnya ialah huruf pertama dibaca *qammat*, kedua dibaca *sathat* dan menambahkan huruf *yā'* yang bersabdu sebelum *lam fi'l*, yang dikenali sebagai *yā' taṣghīr*.

2- Apabila kata nama berupa empat huruf (*ism rubā'īy*), di samping melakukan cara dan proses seperti di atas, juga dibaca *kasrat* terhadap huruf yang urutannya selepas *yā' taṣghīr*, seperti : درْهَمٌ - درْهَمٌ (mata wang dirham).

3- Apabila huruf yang dibaca *kasrat* itu berupa *huruf lin*, iaitu alif waw dan *yā'*, maka *yā' taṣghīr* tidak mengalami perubahan, seperti - قَنْدِيلٌ

قَنْدِيلٌ (lampa). Apabila huruf *yā' taṣghīr* itu berupa *waw* atau *alif*, maka

huruf tersebut harus diganti dengan huruf *yā'* seperti: عَصْفُورٌ - عَصْفَيْرٌ

(burung usfur kecil), dan مُصَبَّحٌ نُصَيْبِحٌ (lampa kecil).

4- Pola taṣghīr فَعِيلُ أو فَعَيْلُ dikhususkan bagi pentasghiran perkataan

jamak taksir فَعَالِلُ أو فَعَالِيلُ, iait boleh menggugurkan satu huruf atau

mengkalkannya, seperti: سَرَنْدَى dan سَفَرْجَلْ سُفَيْرِجْ، فُرْزِدْ أَوْ فُرْزِقْ: سَرَنْدَى

عَلَنْدَى: عُلَيْنَدْ وَعُلَيْنَدْ dan سُرَيْنَدْ وَسَرَيْنَدْ Jadi, perkataan *sarandā*, jika dibentuk

jamak taksirnya menjadi سَرَانْدَى أَوْ سَرَادْ - سَرَنْدَى: سَرَانْدَى أَوْ سَرَادْ dan 'alandā' menjadi

سَفَارْجَلْ: سَفَارْجَلْ أَوْ سَفَارِجْ عَلَنْدَى: عُلَانْدَى أَوْ عَلَادْ Maka

huruf yang digugurkan (huruf lam) boleh diganti dengan huruf *yā'* yang diletakan sebelum huruf akhir ketika ditasghirkan. (Lihat, al-Ghalāyīnīy 1968 Jld.2: 88; dan Ham' al-Hawāmī' (Jld. 2. t.t. : 187.)

5.14.3 Tasghīr Tarḥīm.

Tasghīr tarḥīm merupakan salah satu bentuk *tasghīr* yang terdiri daripada kata yang terdapat huruf imbuhan. Cara membentuk *tasghīr*nya ialah dengan menggugurkan huruf-huruf imbuhan tersebut sebelum *ditasghirkan*.

Al-Ghalāyīnīy (1968 Jld.2: 94) mendefinisikannya:

هُوَ أَنْ يُحَرَّدَ الْاِسْمُ مِنَ الزَّوَائِدِ الَّتِي فِيهِ، وَيُصَفَّرُ عَلَى أَخْرُفِهِ الْأَصْلِيَّةِ.

Maksudnya: 'Tasghīr tarḥīm ialah bentuk *tasghīr* yang menghilangkan huruf-huruf imbuhan pada kata yang hendak *ditasghirkan*, iaitu hanya mentasghirkan huruf asalnya sahaja.'

Dalam kaitan ini perlu ditegaskan bahawa bentuk *tasghīr tarḥīm* ini hanya menggunakan dua wazan sahaja. Pertama wazan فُعَلْ untuk

perkataan yang huruf asalnya terdiri daripada tiga huruf, dan kedua *wazan* فَعَلْلَى untuk perkataan yang huruf asalnya terdiri daripada empat huruf (*Ibid.*, 94).

Adapun kedua-dua wazan *taṣghīr* tersebut secara terperinci dapat dijelaskan sebagai berikut:

1- Apabila huruf-huruf imbuhan telah digugurkan dan bilangan huruf pada perkataan itu masih memiliki tiga huruf asal, maka bentuk *taṣghīr*nya mengikut wazan فَعَلْلَى، seperti حَمَدَةٌ adalah bentuk *taṣghīr* dari perkataan

حَمَدٌ حَمَدَانٌ حَمَدَةٌ - حَمَدَ مُحَمَّدٌ - مُحَمَّدٌ (nama bagi orang lelaki), dan apabila kata yang akan *ditaṣghīrkan* itu berupa nama bagi orang wanita, maka bentuk *taṣghīr*nya harus ditambah *tā'* *marbūṭat* yang terletak pada akhir kalimah, sebagai tanda femininnya (*mu'nnathnya*), seperti: حَبْلَى حَبْلَةٌ وَسَوْدَاءٌ سُوَيْدَةٌ (warna kecil berkulit hitam, dan wanita kecil yang hamil). Akan tetapi jika kata tersebut berupa sifat bagi orang wanita, maka tidak perlu ditambah *tā'* *marbūṭat*, seperti kata : - حَيْضٌ

حَيْضٌ وَطَالِقٌ - طَالِقٌ (talak,haid / datang bulan) (Lht. Hāsyiyat al-Subbān

Jld.4, 1968 : 140).

2- Jika setelah menggugurkan huruf tambahan pada kata yang akan *ditaṣghīrkan* itu masih memiliki empat huruf asal, maka bentuk *taṣghīr*nya

harus mengikut wazan seperti: **فَعْلِيلٌ** (kertas kecil, dan **عَصْفُورٌ وَقَرْبَطَسٌ** burung uşfur kecil), iaitu dari perkataan **عَصْفُورٌ وَقَرْطَاسٌ**.

5.15 KN Mimitan (*Taşghîr*) dalam BM.

Sepanjang kajian ini dilakukan, penulis tidak menjumpai pola *taşghîr* dalam BM, tetapi mungkin hampir dengan kajian ini dalam BM ialah “*kata sifat*” atau “*adjektif*”. Kedua-dua istilah tersebut berfungsi bagi menyifatkan suatu perkataan dalam ayat, seperti *besar*, *kecil*, *baik*, *gemuk*, *kurus* dan sebagainya (Arbak Othman (t.t.:148). Namun demikian, kata sifat / ajektif dalam BM bukan hanya mengandungi makna kecil. Contoh: *meja keci dan besar*; *masjid kecil dan besar*, *rumah jelek/cantik*, *pejabat kecil dan besar*, *restoran kecil dan besar*, *buku kecil dan besar*, *kereta biru dan merah*. Sedangkan *taşfîr* dalam BA hanya untuk menyifatkan sesuatu benda yang kecil, yang mengandungi makna rendah, walaupun terdapat tujuan-tujuan lain, seperti pada contoh-contoh yang telah dikemukakan sebelumnya.

5.16 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1- BM tidak mempunyai pola *taşghîr*, dalam erti bentuk *taşghîr* yang melalui pola *sîghat* pentaşghiran di atas, kerana BM bukan bahasa yang *mutasarrif* (fleksi). Walaupun demikian, mungkin yang mendekati makna *taşghîr* dalam BM ialah kata sifat, seperti contoh-contoh di atas. Kata

sifat dalam BM berfungsi secara am bagi mensifatkan suatu benda, sama ada kecil atau besar dan lain lain.

2-Kedua-dua *taṣghīr* tersebut mengandungi tujuan yang sama, iaitu bagi menyifatkan suatu benda yang kecil, hanya bezanya *taṣghīr* dalam BA mengandungi tujuan-tujuan lain, seperti yang telah dihuraikan di atas.

3-Perbezaan yang lain ialah berkenaan dengan bentuk *taṣghīr*nya. *Taṣghīr* dalam BA bergantung kepada perubahan pola, sedangkan dalam BM tidak demikian. Kerana yang mendekati pola *taṣghīr* dalam BM adalah KT sifat yang tidak berkaitan dengan perubahan pola kata.

5.17 KN *Mansūb*

Bentuk perkataan berimbuhan yang ketujuh ialah “kata nama *manasūb*”, iaitu perkataan yang mengandungi makna golongan, keyakinan atau ideologi. Jika perkataan itu di mansūbkan maka berlaku perubahan pola. Demikian ini kerana pola atau kepelbagaian bentuk perkataan dalam BA mengandungi makna tertentu selari dengan apa yang dimaksudkan oleh penutur, seperti yang akan dihuraikan berikut:

5.18 KN *Mansūb* dalam BA

Perkataan *mansūb* ialah dari akar kata *nasaba yansi...mansūb* نَسْبَةٌ

يُنْسِبُ... تَشْوِبٌ Asal maknanya adalah keturunan, seperti yang dikatakan

oleh Ibn Mandhūr (1990 Jld.1: 755) yang maksudnya *Nasab* adalah *hubungan yang berlaku di antara anak dan orang tuanya, begitu pula di antara penduduk dan negaranya*. Bagi membuktikan makna tersebut ‘Abbās Hasan (Jld. 4, t.t : 713), menjelaskan bahawa perkataan ‘Umar, Bakar, ‘Abdullah, Hanbali, Makkah, Madinah, Mesir, atau lainya yang menunjukkan kepada perseorangan dan tempat, atau kota tertentu, yang dikenali sebagai kata nama khas. Akan tetapi jika kata-kata tersebut ditambah *yā’ musyaddadaṭ* (bertasyid) di akhirnya dan sebelumnya dibaca *kasraṭ*, maka perkataan akan berubah maknanya, iaitu di samping mengandungi makna khas ia juga mengandungi makna *nasab* (aliran / golongan / ideologi). Maka, perkataan di atas menjadi: عمری - عَمَرِی (aliran

شَافِعِی - شَافِعِی، بَكْرِی - بَكْرِی (golongan Bakar)

(golongan atau madhhab Syāfi‘iy), حَنَّابِی - حَنَّابِی (golongan atau madhhab

Hanbaliy), مَكَّانِی - مَكَّانِی (orang Makkah), مدینَانِی - مدینَانِی (orang Madinah),

مَصْرِی - مَصْرِی (orang Mesir / Egypt). Oleh yang demikian, al-Mubarrid,

dalam bukunya *al-Muqtadab* (Jld. 3: t.t. 280), mengatakan:

إِعْلَمُ أَنَّكَ إِذَا نَسِيْتَ رَجُلًا إِلَى حَيٍّ أَوْ غَيْرِ ذَلِكَ الْحَقْتَ اِلَاسْمَ
الَّذِي نَسِيْتَهُ إِلَيْهِ يَاءً مُشَدَّدَةً وَلَمْ تَخْفُهَا لَنَّا لَيَقْبِسَ بِيَاءُ الْإِضَافَةِ
الَّتِي هِيَ اِسْمٌ لِلْمُتَكَلِّمِ وَذَلِكَ قَوْلُكَ: هَذَا رَجُلٌ. قَيْسِيٌّ وَبَكْرِيٌّ.
وَكَذِلِكَ كُلُّ مَا نَسِيْتَهُ إِلَيْهِ.

Maksudnya: Ketahuilah sesungguhnya engkau apabila menasabkan nama seorang kepada suatu kampung atau lainnya, maka tambahkan huruf ya' bertasydid pada akhir kata yang hendak dinasabkan, dan jangan meringankan bacaan huruf ya' tersebut supaya tidak serupa dengan huruf ya' sebagai mudāf ilayh yang dikenali sebagai ya' mutakallim, seperti hādhā rajul Qaisīyy dan Bakriyy (orang ini dari golongan Qais dan Bakar), begitu juga perkataan-perkataan lain yang hendak dinasabkan.

Ibn Mālik (Jld.2 t.t. 490) mengatakan:

يَاءُ كَيْا الْكُرْسِيِّ زَادُوا فِي التَّسْبِ
وَكُلُّ مَائِلِينَ كَسْرَةُ وَجْبٍ

Maksudnya: Jika hendak menyandarkan (menasabkan) sesuatu kepada negara, kabilah, golongan dan sebagainya, maka tambahkan huruf ya' yang bersabdu dan membaca kasrah pada huruf sebelumnya.

5.18.1 Perubahan KN *Mansūb*

Terdapat pelbagai perubahan yang berlaku pada ism (kata nama) yang dinasabkan. Kepelbagaiannya tersebut disebabkan oleh perbezaan pada huruf akhir perkataan berkenaan. Menurut 'Abbas Ḥasan (tt.Jld.4: 537-541) bahawa apabila huruf akhir kata yang dinasabkan itu berupa huruf ya' bertasydid (bersabdu), maka harus mengikuti ketentuan seperti berikut:

- a- jika sebelum ya' terdapat satu huruf, maka huruf ya' yang bertasydid dikembalikan kepada asalnya, sehingga terdapat dua

huruf *yā'*. Kemudian huruf *yā'* yang kedua digantikan dengan huruf *waw*, seperti *حَيْ - حَيْ* (hidup).

b- jika sebelum huruf *yā'* terdapat dua huruf , maka huruf *yā'* yang pertama digugurkan terlebih dahulu, dan huruf *yā'* yang kedua diganti dengan huruf *waw*, dan huruf sebelumnya dibaca *fathat*, seperti : *عَدِيْ عَدِيْ* (bangsa / golongan 'Ad).

c- jika sebelum huruf *yā'* terdapat tiga huruf atau lebih, maka huruf *yā'* harus digugurkan, seperti: *كُرْسِيْ وَشَافِعِيْ* (kursi dan golongan Syāfi'i'y).

Selain ketentuan-ketentuan di atas, ada juga ketentuan-ketentuan lainnya, iaitu apabila huruf akhir perkataan yang dinasabkan itu berupa *huruf alif*, di sini berlaku ketentuan-ketentuan sebagai berikut:

a- Jika huruf *alif* terletak pada urutan ketiga, maka harus digantikan dengan huruf *waw*, seperti: *فَتْوَى - فَتْوَى* (golongan pemuda).

b- Jika huruf *alif* terletak pada urutan keempat, dan huruf yang berdampingan dengan huruf *alif* berharakat, maka huruf tersebut (yang berdampingan dengan huruf *alif*) digugurkan, seperti: *جَزِيْ جَزِيْ* (cepat).

c- Jika huruf *alif* terletak pada urutan kelima dan seterusnya, maka

huruf *alif* digugurkan., seperti: **مُحْسِنٌ طَفَّيْ - مُصْطَفَّيْ وَحْبَارِيْ - حَبَّارِيْ**

(golongan burung-burung *hubāriy* dan golongan *Muṣṭafā*).

Akan tetapi apabila huruf akhir perkataan itu berupa huruf *tā' al-marbūṭat*, maka huruf tersebut digugurkan sebelum dibentuk *naṣab*, seperti:

كُوفَّةَ - كُوفِيْ مَكَّةَ - مَكِّيْ، أَمَّةَ - أَمَّوِيْ (Bani Umayyah, golongan atau orang

Makat, golongan atau orang *Kūfat*,).

Selanjutnya, apabila huruf akhir perkataan tersebut berupa *hamzat al-mamduḍat*, maka berlaku ketentuan-ketentuan sebagai berikut:

a- Jika *hamzat* itu sebagai tanda *ta'nīth*, maka harus digugurkan dan digantikan dengan huruf *waw*, seperti: **صَخْرَاءُ - صَخْرَاءُوْيِ**

(padang pasir).

b- Jika *hamzat* berupa huruf asal, maka wajib dikekalkan, seperti:

قَرَاءُ قَرَائِيْ (qāriy).

c-Jika *hamzat* sebagai ganti daripada huruf asal, maka boleh

dikekalkan seperti: **كَسَاءُ - كَسَائِيْ** (pengikut atau golongan *Kisā'iyy*),

dan boleh juga digantikan dengan huruf waw, seperti **كَسَاءُ - كَسَاءِيْ**.

كِسَاوِيْ.

Apabila perkataan yang dinasabkan itu berupa ism manqūṣ maka ketentuan-ketentuan yang harus dilakukan adalah:

a- Jika huruf *yā'* terletak pada urutan ketiga, maka harus digantikan dengan *waw* dan dibaca fatḥat sebelumnya, seperti : رَضِيٌّ - رَضِيٌّ (rida).

b- Jika huruf *yā'* terletak pada urutan keempat, maka lebih baik digantikan dengan huruf waw seperti قاضيٌّ - قاضيٌّ (Kadi), atau digugurkan seperti

قاضيٍّ (kadi).

c- Jika huruf *yā'* terletak pada urutan kelima atau keenam, maka harus digugurkan, seperti مهندٰيٌّ - مهندٰيٌّ (pengikut Muhtadi).

d- Jika kata nama tersebut terdiri daripada tiga huruf dan huruf akhirnya berupa huruf *waw* atau *yā'*, maka tidak terjadi perubahan apa pun, seperti: -

غُرْوٰ - غُرْوٰيٌّ (kijang), dan ظُبِيٌّ - ظُبِيٌّ (peperangan)

Apabila perkataan itu berupa *ism tathniyat* atau *jamak mudhakkár sālim*, maka tanda *tathniyat* dan *jamaknya* dihilangkan, seperti: زَيْدَانُ زَيْدٰيٌّ

(Dua golongan Zayd), مُحَمَّدانُ مُحَمَّدٰيٌّ (golongan Muhammad) dan

مُسْلِمُونَ - مُسْلِمٰيٌّ (golongan orang-orang Islam). Begitu juga apabila

زَيْنَبَاتٍ - زَيْنَيٌّ :، perkataan tersebut berupa *jamak mu'nnath sālim*, seperti

هندَاتٍ - هَنْدٰيٌّ هِنْدَوِيٌّ هِنْدَاوِيٌّ tetapi perkataan *jamak Hindāt*, boleh menjadi هندَاتٍ - هَنْدٰيٌّ هِنْدَوِيٌّ هِنْدَاوِيٌّ

(Aliran atau golongan Hindun) (Lht. Zayn Kāmil al-Khuyskīy, 1992 : 520-523).

5.19 KN *Mansūb* dalam BM

Sejauh kajian yang dilakukan, penulis tidak menjumpai pola mansub dalam BM, tetapi mungkin yang dimaksudkan pola tersebut dalam BM ialah seperti yang dikatakan oleh Nik Safiah Karim (1977:279), iaitu dalam BM teori ini digolongkan dalam pembentukan perkataan baharu yang timbul melalui dua proses utama:

Pertama: melalui penggunaan popular seperti dalam media masa, penulisan dan seumpamanya.

Kedua : melalui proses perancangan bahasa yang rasmi, amnya perkataan-perkataan baharu itu hasil ciptaan penggunaan popular yang mengungkapkan perkara, kejadian, konsep, keadaan dan hal-hal yang berkaitan dengan kegiatan hidup sehari-hari.

Sehubungan itu, kata *nasab* dalam BM merupakan bentuk perkataan berimbuhan. Bentuk perkataan ini dituturkan oleh orang Melayu yang dipinjam secara keseluruhan ke dalam BM, seperti bentuk perkataan imbuhan berikut ini:

1- Imbuhan “isme” pada akhir perkataan. Contohnya:
Sosialisme kapitalisme, nasionalisme, idealisme, naturalisme,
realisme dan kolonialisme.

2- Imbuhan “an” pada akhir perkataan. Contoh:

Malaysia	<i>Malaysian</i> (orang Malaysia)
Indonesia	<i>Indonesian</i> (orang Indonesia)
Polandia	<i>Polandian</i> (orang Polandia)
Saudi Arabia	<i>Saudi Arabian</i> (orang Saudi).


Kedua-dua jenis perkataan di atas dipinjam secara keseluruhan dari bahasa Inggeris ke dalam BM (Lht. Nik Safiah Karim, 1997 : 298). Begitu juga terdapat beberapa perkataan yang menunjukkan makna *nasab* yang dipinjam dari BA. Contoh; *abad – abadi, jasad – jasadi, roh – rohani, unsur – unsuri dan dunia – duniawi*. Perkataan-perkataan tersebut dipinjam dari BA yang mengandungi makna mansub.(Lht. Liaw Yock Fang, 1985 : 45).

Terdapat juga perkataan-perkataan yang seerti dengan makna nasab dalam BM tanpa menggunakan huruf imbuhan, seperti : *Orang Malaysia, orang Indonesia, orang Singapura, orang Kelantan, orang Johor Baharu, dan Orang Sarawak*. Perkataan tersebut dianggap dapat mengenalkan golongan atau negara mereka, sepetimana yang dimaksudkan makna *nasab* dalam BA.

5.20 Aspek Persamaan dan Perbezaan

1-Penulis tidak menjumpai pola *nasab* dalam BM. Tetapi mungkin kalau diteliti secara sungguh-sungguh terdapat beberapa perkataan yang mengandungi makna *nasab* dalam BM yang diserap langsung dari bahasa Inggeris dan Arab seperti pada contoh-contoh di atas.

2-Dalam BM terdapat perkataan-perkataan yang semakna dengan *nasab* seperti dalam BA, walaupun polanya berbeza, seperti perkataan : *orang Malaysia, orang Indonesia, orang Kelantan, orang Johor dan jasadi, dunyawī, rahani* dan sebagainya yang dipinjam dari BA.



14-Rajah 5.6 KN Berimbuhan BA.

5.21 Penutup

Penulis mendapati bahawa penambahan fonem dalam suatu perkataan akan merubah makna. Penulis telah menghuraikan beberapa perkataan dalam BA yang telah berubah maknanya disebabkan penambahan fonem, samada satu atau dua, seperti yang berlaku pada perkataan jamak, *tathniyyat, taşgīr, nasab...* Demikian juga pada BM, walaupun pada BM perubahan makna pada perkataan-perkataan tersebut dengan cara yang berbeza. Perbezaan ini sangat wajar kerana perbezaan pola dan keluarga bahasa.